THE SENTINEL

SENTUL

MBS

ORA ET LABORA

85





anthonian store sdn. bhd.

BOOKS

Text * Revision * Children * KBSR * Languages * Accounting * Management * Law * Computers * Technical * Hobbies * Health Care * Dictionaries * Encyclopedias * Art & Crafts * Current Affairs * Paperbacks * Magazines * General *

TRAINING & TEACHING AIDS

Projectors * Films * Filmstrips * Cassettes * Wallmaps * KBSR Teaching Aids * Educational Games * Calculators * Screens * Riso Printing Machines *

OTHERS

Greeting Cards * Stationery * Sports Goods * Religious Articles * Children's Games & Toys *

SERVICES


Library Consultancy * Book Exhibitions * Photostating *

HEAD OFFICE

WISMA ANTHONIAN, 235 Jalan Brickfields, Kuala Lumpur
Tel: 441711/3, 445205

BRANCHES:

* LG 02-07 Lower Ground Floor, Wilayah Shopping Complex, Jalan Dang Wangi, Kuala Lumpur. Tel: 915248
* 61, (Mezzanine Floor) Jalan 2/90, Taman Pertama, Jalan Ceras, Kuala Lumpur.
* 48 Jalan SS 2/67, Petaling Jaya. Tel: 762581
* 26 Lorong Taman Ipoh Satu, Ipoh Garden South, Ipoh. Tel: 563868
* 70 Jalan Leech, Ipoh. Tel: 549437




MESSAGES FROM:–

1. *Datuk Mohd. Hussein Bin Ahmad,*
   Pengarah Pelajaran, Wilayah Persekutuan.
2. *Mr. DR. Daniel,*
   Education Secretary, Methodist Schools,
   Malaysia
3. *Mr. K. Pandian*
   Chairman Board of Governors.
4. *Mr. P. Venugopal,*
   President Sentul MBS OBA.
5. *En. Awaludin Bin Abd. Manap.*
6. *Guru Besar.*
7. *Ketua Pengawas*



LEMBAGA SIDANG PENGARANG
1985



Pn. LAU CHONG KONG
Pn. HALIMAH ISMAIL
Pn. PUI CHENG WUI
Pn. PETER THEAN

En. SALASUN NAIM MOHD. ZAIN
En. YAMIN SUKI
En. ANUAR ABAS
Pn. ZURAIDA

THE SENTINEL

KANDUNGAN

Kata–Kata Aluan 4

Dari Lidah Pengarang 12

Gambar Guru-Guru Sekolah 1985 13

Editorial Board 15

Senarai Nama Guru-Guru 1985 17

Takwim Sekolah 19

Hari Guru 21

Speech Day 24

Analisa Keputusan Peperiksaan SPM & SRP 1984 25

Laporan Kelab Dan Persatuan 26

Sukan 59

Bahasa Malaysia 83

Bahasa Inggeris 99

Bahasa Cina 114

Kelas 1985 122

KATA-KATA ALUAN



Terlebih dahulu saya sampaikan ucapan jutaan terima kasih kepada Sidang Pengarang yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan kata-kata aluan di dalam Majalah Sekolah keluaran tahun 1985 ini.

Kedamaian dan keharmonian kehidupan keluarga dapat menjamin pertumbuhan sihat kepada perkembangan fizikal dan mental anak-anak. Asuhan dan belaian kasih sayang kedua ibu bapa adalah menjadi asas didikan yang berhikmah. Anak - anak yang diasuh begini pasti akan membesar dan apabila dewasa akan menjadi lengkap dengan daya kepimpinan yang sejati. Mereka menpunyai harapan yang baik untuk mengecapi kebahagiaan di dalam kehidupan. Kebahagiaan dalam kehidupan akan menjadi kenyataan jika amalan-amalan yang dikerjakan dan akhlak seseorang itu sempurna.Kebahagiaan tidak mungkin diperolehi jika kita tidak memperlengkap dan tidak menyediakan diri terlebih dahulu dengan nilai-nilai yang baik.

Hubungan baik di antara ibu bapa dengan sekolah akan membawa murid-murid ke dalam satu keadaan yang tenteram dan ini akan menjadi satu galakan dan rangsangan dalam menghadapi pelajaran. Amalan dan sikap kerjasama dan saling hormat-menghormati antara murid dengan ibubapa, murid dengan sekolah dan ibu bapa dengan sekolah serta masyarakat dengan sekolah adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan "SEKOLAH SEBAGAI INSTITUSI MASYARAKAT". Pelaksanaan konsep ini akan mengujudkan perhubungan dua hala yang erat, harmoni dan penuh bertanggung jawab. Murid-murid yang berada dalam masyarakat seperti ini adalah sangat beruntung. Kerja sama yang erat antara masyarakat dengan sekolah akan menjamin kecapaian mutu kurikulum dan ko-kurikulum yang tinggi. semua ini membayangkan satu kegiatan bagi kemajuan janka panjang dalam Pembangunan Negara.

Oleh yang demikian saya berseru kepada semua murid supaya menjadikan ibubapa, guru dan masyarakat, rumah dan sekolah sebagai alat yang boleh memberikan ketenteraman dan tempat mengadu untuk menyelesaikan segala masalah. Ibubapa, guru dan masyarat pula mesti sentiasa berwaspada supaya semua murid tidak terdedah kepada salahlaku, seperti pelanggaran disiplin, penyalahgunaan dadah dan penglibatan dalam kegiatan jenayah. Tindakan yang berkesan mesti diambil dengan serta-merta jika sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Dengan ini harapan mengecapi kebahagiaan akan menjadi kenyataan.

Akhirkata saya ingin mengucapkan Syabas kepada Sidang Pengarang kerana telah berjaya menerbitkan Majalah ini dan diharapkan agar usaha gigih dan bersungguh-sungguh ini akan dapat memberi manfaat kepada semua.

Selamat Maju Jaya.

Yang Ikhlas,

(DATUK MOHD. HUSSEIN AHMAD)
Pengarah Pelajaran, W. Persekutuan.

MESSAGE FROM THE EDUCATION SECRETARY



When I was asked to write a message for your school magazine this year , I could not help but recall that the 1st Methodist School was founded in Singapore 100 years ago. We today celebrate the Centenary of the Methodist Church and School.

As we look back, the early pioneers were not afraid of small beginnings or difficult situations so long as they were convinced that their ultimate goal was right, proper and desirable in the eyes of God. We rejoice that this pioneering spirit of the early days started from small and difficult beginnings is still shared by the Principals, Teachers and Pupils in practically all our schools.

Year by year our schools have grown in numbers and in the quality and size of our buildings. There are 24 Methodist Assisted Secondary Schools, 35 Methodist Assisted Primary Schools and 9 Methodist Private Schools with a total enrolment of 75,675 pupils. However, above everything else, we trust that we will continue to improve in the quality and character of the pupils who leave our schools to seek employment or go elsewhere for higher studies to play their part in nation building.

The paper qualifications of the SPM and STPM are no longer sure passports to employment. Many employers are looking for young men and women who are not afraid of small beginnings, of hard work and of being honest even when honesty does not seem to pay. In other words, men and women of character will always be in demand.

I have followed with great interest and pleasure the progress of our schools over these many years and I am sure that you will continue your efforts with courage, vision and perseverance.

(D.R. DANIEL, AMN)
Education Secretary
Methodist Schools
West Malaysia.

MESSAGE FROM THE CHAIRMAN OF THE BOARD OF GOVERNORS



On behalf of the members of the Board of Governors,I wish to thank the Editorial Board of your school magazine for the honour and privilage given to me to write a message for publication in the school magazine.

Another year of success and achievements has passed us by .I wish to congratulate the Principal, teachers and staff of your school for the wonderful job well done.

Education is a life long process.It is the positive tool to develop our abilities, capabilities , cultural and social aspirations. It is the most important and vital prerequisite in determining our future and progress in life . We have , therefore , to strive hard to attain the highest goal.

For success is the word "Now". Dr. David Shcevartz says, that "Now" is, the magic word of success. :Tomorrow , next week , later ,sometime ,someday", often as not are just synonyms for the failure word, "Never". Lots of good dreams never come true because we say, "I'll start someday",when we should say "I'll start right now."

My earnest and sincere desire is that the school will continue its important role as educator with the motto "Now" and produce wholesome , responsible ,dedicated ,hardworking and productive citizens.

May God guide each and every member of the schoo staff to keep up the good work .

With prayers and best wishes to all of you for another successful year.

With greetings,

K. Pandian
CHAIRMAN
BOARD OF GOVENORS

PERUTUSAN DARI VELUGOPAL,K.M.N.



It is a pleasure once again for me to write a few words for the School Magazine.

The OBA contunues to maintain close relationship with the school by consistenetly and faithfully carrying out its annual activities which, interlia, involed the participating of staff and students and awarding of scholarships and awards to deserving inteligent students to spur them to greater heights of success.

This year marks an auspicious milestone in the OBA's history as we will celebrating our Silver Jubilee.We have come a long way from our humble beginningd in 1960 so much so we are one of the really active OBA's in the country. An important part of our dymanic growth has been due to the excellent support we obtained from the School Principals , staff and students. All the activities of the OBA have been motivated by our common love for the school which continues to provide the emotinal and sentimental impetus to our activities.

It is my sincere hope that we will cherish and nurture this bond so that the school will continue to develop , not just physically,but in the quality of its productsand its impact on the society and the nation. On behalf of the OBA I wish you every success.

P.VELUGOPAL, K.M.N.
PRESIDENT
SENTUL MBS OBA.

KATA-KATA ALUAN DARI YANG

DIPERTUA PIBG



ASSALAMUALAIKUM.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak majalah tahunan THE SENTINEL '85 ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menuliskan sepatah duakata.

Tahun 1984 telah pun berlalu dengan meninggalkan banyak kenangan kepada semua golongan rakyat Malaysia yang terdiri dari berbagai bangsa dan keturunan. Begitu jugalah di sekolah M.B.S. Sentul ini. Berbagai peristiwa yang telah membawa kita mencapai kemajuan. Murid-murid telah menunjukkan semangat dan kegigihan dalam kepintaran, kemahiran dan kejayaan dalam semua bidang termasuk pelajaran, kebudayan, kesukanan dan kebajikan. Dari sini dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa kemajuan yang dicapai boleh dikatakan realistik dan membanggakan. Syabas...teruskanlah semangat ini hingga ke masa masa hadapan.

Seperti di tahun tahun yang lalu sekolah ini telah mengeluarkan majalah tahunan "THE SENTINEL", dan tidak ketinggalan pula pada tahun 1985 ini. SENTINEL'85 ini tentu lebih menarik dan lebih ramai lagi murid dan guru yang melibatkan diri demi untuk memajukannya. Dengan peluang yang diberikan kepada saya selaku Pengerusi PIBG, maka melalui ruangan ini ingin saya merakamkan ucapan tahniah saya kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menerbitkan THE SENTINEL'85 ini.

Saya sangat berbesar hati dan merasa bangga di atas sambutan yang telah diberikan oleh murid-murid dan guru-guru yang penuh dengan semangat kesukanan. Namun demikian apa yang sangat mengecewakan ialah sambutan dari pihak ibu bapa yang sungguh DINGIN, seolah-olah pihak ibu bapa TIDAK memberi galakan yang sepenuhnya terhadap WALKATHON itu. Dengan itu saya menganggapkan bahawa ibu bapa masih lagi tidak mahu memainkan peranan dan tanggungjawab di atas aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan oleh PIBG.Peranan dan tanggungjawab ibu bapa amatlah penting bagi menyelesaikan dan mengatasi segala masalah sekolah anak-anak.

Kemajuan dalam semua bidang pelajaran murid-murid adalah di peringkat yang membanggakan. Hanya segelintir sahaja murid-murid yang masih tidak menghiraukan pelajaran mereka. Harapan saya kepada ibu bapa agar dapat menyemak pelajaran anak-anak di rumah.

PENGLIBATAN DADAH MESTI DIAWASI..!!

Terima kasih kepada semua guru-guru dan ibubapa yang telah memainkan peranan penting dalam hal ini. Walaupun keadaan masih terkawal, namun kita mestilah berwaspada. Syabas... marilah kita bersama-sama meneruskan peranan ini hingga ke akhir zaman.

Ucapan saya kepada guru-guru yang telah banyak mengorbankan masa, tenaga dan idea sehingga dapat membimbing anak kami hingga ke mercu kejayaan. Kepada anak-anak pula diharap belajar bersungguh-sungguh sehinggą menjadi rakyat yang berjasa dan berguna.

.....
AWALUDIN AB. MANAF
Pengerusi PIBG
M.B.S. Sentul

PERUTUSAN DARI GURU BESAR



Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Sidang Pengarang dan Guru-guru penasihat yang telah berusaha dengan gigih untuk menghasilkan sebuah lagi naskah 'Sentinal' yang bermutu.

1985 merupakan satu lagi tahun yang penting dalam perkembangan dan kemajuan sekolah kita. Sekolah, sekali lagi telah mengekalkan pencapaian yang baik dalam peperiksaan SRP mahupun SPM. Tham Chee Chong seorang murid dari 5 Sastera 1 telah memenangi Anugerah AG Lee dan juga Biasiswa Chan Weng Chiu , kerana pencapaian akedemik yang terbaik dalam Peperiksaan SPM, manakala Low Boon Chuan, yang mendapat 7'A' dalam peperiksaan SRP,berjaya memenangi Biasiswa Peach. Ucapan tahniah saya kepada mereka.

Tahun ini merupakan suatu tahun yang penting . khususnya, kerana sebuah kelab Komputer sudahpun dimulakan dengan pembekalan 21 buah komputer. Pada masa ini lebih kurang 200 orang murid sedang mengikuti kursusnya Sains Komputer di sekolah kita. Dengan demikian sekolah kini bergerak seimbang dengan perubahan zaman dan memandang jauh ke hadapan. Saya rasa Pendidikan Asas Komputer akan menguntungkan rakyat negara kita dalam zaman akan datang.

Pada awal tahun ini, Persatuan Ibubapa dan Guru-guru melancarkan rancangan 'Walkton' untuk mengutip derma, bertujuan membiayai perbelanjaan memperbaiki keadaan bangunan sekolah yang amat memerlukan perhatian. Projek walkton ini dijalankan dengan jayanya dan sebahagian daripada kutipan itu sudahpun digunakan untuk mengecat bangunan sekolah. Sekolah ini, sekarang dalam lima tahun ini, mempunyai wajah atau rupa baru. Ucapan tahniah saya kepada Persatuan Ibubapa dan Guru-guru atas usaha cemerlangnya.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada murid-murid yang akan meninggalkan sekolah selepas SRP dan SPM, dalam mencapai segala cita-cita anda. Kembali ke sekolah dan melawatnya bila-bila sahaja anda berpeluang.

ORA ET LABORA.

.....

Clarence Patrick Wijasuriya
Guru Besar

PERUTUSAN DARI KETUA PENGAWAS



Di sini saya ajukan jutaan terima kasih saya kepada pihak sidang pengarang "THE SENTINEL" kerana mengizinkan saya menyampaikan sepatah dua kata sebelum saya mengakhiri alam persekolahan saya di Sekolah Menengah (L) Methodist Sentul yang di cintai ini.

Sepanjang lima tahun saya di sekolah ini, berbagai-bagai detik telah saya alami, samada yang manis mahupun yang pahit di samping itu tidak kurang pula perkara yang remeh dan rumit. Sebagai Ketua Pengawas, segala tanggungjawab yang diamanahkan dapat saya atasi berkat muafakat di antara pengawas-pengawas.

Saya ucapkan terima kasih kepada Guru Besar, En. CP Wijasuriya dan Penolong Kanan, En. Robert kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada saya serta tidak lupa kepada Guru Disiplin, En. Mahsuri.


Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Guru Besar, guru-guru, lembaga pengawas dan pelajar-pelajar sekalian yang telah bersama-sama meningkatkan mutu dan pencapaian baik dari segi akademik mahupun bidang sukan iaitu mempertingkatkan imej sek lah.

Akhir kata saya ucapkan selamat menyambut "Jubli Emas" pada tahun 1986 kepada M.B.S. Sentul.

Terima kasih.
"Disiplin Asas Kemajuan Negara"

KETUA PENGAWAS
AZMAN BIN ALIAS
5 SAINS 1

DARI MEJA PENGARANG



Pada tahun 1985 ini, Sekolah M.B.S. ini begitu terserlah dan menonjol sekali di dalam berbagai bidang sama ada dalam bidang akademik mahupun sukan serta tidak ketinggalan dalam bidang penerbitan.

Ini telah terbukti di mana pencapaian dalam bidang akademik telah meningkat dan mutu kelulusan bertambah baik, sebagai contoh ada yang mendapat 8A dan ramai yang mendapat 6A. Begitu juga dalam bidang sukan. Sekolah ini telah mengekalkan malah memperbaiki mutu pencapaian dalam bidang sukan. Sebagai contoh dalam MSSWP,sekolah ini telah mendapat tempat ke-4 dalam pungutan pingat-pingat di samping dapat mengekalkan kejuaraan Marathon Aliph Derby.

Suatu lagi kejuaraan yang membanggakan ialah bidang penerbitan. Kami sidang pengarang telah berjaya melakukan perubahan dalam menerbitkan Majalah Sekolah, 'The Sentinel' Ke 36. Kami bekerja keras semata-mata inginkan perubahan dan peningkatan mutu dalam penerbitan di mana kami telah menggunakan komputer dalam mempelbagaikan corak dan tulisan. Segala pembaharuan tersebut adalah secocok dengan nama majalahnya 'THE SENTINEL' dan Cogan kata sekolah "Ora Et Labora".

Oleh itu, kami Sidang Pengarang mengucapkan 'Selamat Maju Jaya' dalam segala lapangan dan tidak lupa terima kasih kami kepada semua guru-guru di sekolah Methodist Sentul yang tercinta ini, serta selamat menyambut 'Ulang Tahun Ke-50' penubuhan sekolah ini.

Sekian Terima Kasih.

Surinder Singh

GURU-GURU SEKOLAH 1985



Duduk (Dari Kiri Ke Kanan)	:	Pn. T.K. Leow, En. Su Too Fong, Pn. Khoo Soo Jit, En. Cheang King Ting, Cik Sampoornam R., En. Liew Wai Lin, Cik Cheah Eok Eng, En. Inder Singh, Pn. Chew Aai Chin, En. Robert Selvaratnam, En. Clarence Patrick Wijasuriya, En. James Amoz, Pn. Kalsom Ismail, En. V. Thevarajah, Pn. Pui Cheng Wui, En. Ragbir Singh, Pn. Hoo Wong Ching, En. Tan Teong Chuan, Pn. Lau Chong Kong, En. Mohd. Ibrahim Hussain, Pn. Yee Kok Seong.
Berdiri Baris Pertama (Dari Kiri Ke Kanan)	:	Cik Grace Chew Siew Fong, Pn. Che Nura Hussain, Pn. Wan Rahana Wan Abdul Kadir, Pn. Melor Othman, Pn. Khadijah bt. Senong, Pn. Zuraini bt. Hashim, Pn. Mahani Mohamad, Pn. Kong Nyuk Ching, Pn. Rohani Ibrahim, Pn. Halimah Ismail, Pn. Roslawati Abdul Wahab, Cik Lourdu Mary Raj, Pn. Charanjeet Singh, Pn. Rohaya bt. Ahmad, Pn. Loh Kim Seng, Pn. Peter Thean.
Berdiri Baris Kedua (Dari Kiri Ke Kanan)	:	Pn. Zubaidah, Pn. Tea Bua Bian, En. Arumugasamy T., En. Chan Chee Man, En. Salasun Naim b. Mohd. Zain, En. Samsuri b. Salleh, En. Selvarajah, En. Rama Rao, Pn. Zuraidah bt. Haslina, Pn. Wong Yew Kheng.
Berdiri Baris Belakang (Dari Kiri Ke Kanan)	:	En. Mansor b. Mat Isa, En. Andrew James, En. Zainuddin b. Amran, En. Mohd. Shariel Abd. Samat, En. Ahmad Kamal b. Ismail, En. Mohd. Noor b. Hasan, En. Yam Fook Poh, En. Masuri Hj.Abu Suhut, En. Veelurajan A., En. S. Poovanendiraraj, En. Anuar b. Abas.

EDITORIAL BOARD



(Dari Kiri Ke Kanan)

DUDUK : En. Salasun Naim B. Mohd. Zain, Pn. Zuraida Bt. Hashim, Pn. Halimah Bt. Ismail, Pn. Peter Thean, En. Robert Selvaratnam **(Pengelola)**, En. Wijasuriya **(Guru Besar)**, En. V. Thevarajah **(Guru Pengarang)**, En. Su Too Fong, Pn. Lau Chong Kong, Pn. Pui Cheng Wui, En. Mohd. Yamin B. Suki, En. Anuar B. Abas.

BERDIRI : Ooi See Woo, Chong Yoke Mun, G. David, Azman Alias, Manoj Kumar, Gireetharan, Surinder Singh **(Ketua Pengarang)** Harvinder Singh, Low Boon Chuan, Zaidi Mohd. Noor, Ong Jit Yew, Wong Ooi Onn, Say Gine Yeen.

SENARAI NAMA GURU–GURU TAHUN 1985

En. Clarence Patrick Wijasuriya	Guru Besar	B.A. (Hons), C.T.
En. Robert Selvaratnam	Penolong Kanan	B.A., C.T.
En. James Amoz	Penyelia Petang	S.C., C.T.
Pn. Zainun Ahmad	4 Sains 1	B.Econs. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Hapsaf Safian		B.A. (Hons), Dip. Ed.
En. Veelurajan A.		B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Hoo Wong Ching		B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Lau Chong Kong	5 Sc. 1	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
En. Yap Fook Poh	5 Sastera 1	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Cik Sampoornam	5 Sastera 2	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Pui Cheng Wui	5 Sastera 3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Wan Rohana Wan Abd. Kadir	4 Sains 2	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Kong Nyuk Ching	4 Sastera 1	B.Sc., Dip. Ed.
Pn. Wong Yew Kheng	4 Sastera 2	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Kalsom Ismail	4 Sastera 3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Roslawati Abd. Wahab	3 Beta	B.Sc., M. Science Ed.
Pn. Rohaya Ahmad	3 Omega	B.Sc.(Hons), Dip. Ed.
Pn. Nura Hussain	3 Stannum	B.A. Dip. Ed.
Pn. Halimah Ismail	3 Lambda	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Rohani Ibrahim	3 Delta	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Yee Kok Seong	3 Aurrum	B. Econs (Hons) Dip. Ed.
En. Ragbir Singh		B.A., C.T.
Pn. Mahani Mohamad	1 Beta	B.A. (Hons), Dip. Ed.
Pn. Zuraida Hashim	3 Alfa	MCE, Dip. Sains & Pend.
Pn. Nooraini Abd. Hamid		MCE, Dip Sains & Pend.
En. Inder Singh		N.C.T. Special Course (Kirby)
En. V. Theva Rajah		H.S.C., N.C.T. (Singapura)
Pn. Khoo Soo Jit	2 Beta	H.S.C., C.T.
En. Su Too Fong	5 Sains 2	H.S.C., C.T.
Pn. Sim Ping Kwang	1 Omega	H.S.C., C.T.
Pn. Peter Thean	2 Gamma	H.S.C., C.T.
Pn. Helena Foo	(Menghadiri kursus mulai Jan 1985)	H.S.C., C.T.
Cik Grace Chew	Peralihan 1	H.S.C., C.T.
Pn. Charanjeet Singh	Peralihan 2	H.S.C., P. Par 3
En. Zainudin Amran	1 Teta	S.T.P., C.T.
Pn. Khadijah Senong	2 Delta	S.T.P., C.T.
En. Ahmad Kamal Ismail	2 Alfa	S.T.P., C.T.
En. Rama Rao	3 Gamma	S.T.P., C.T.
En. Mansor Nat Isa	1 Gamma	S.T.P., C.T.
En. Samsuri Salleh	1 Delta	S.T.P., C.T.
En. Tan Teong Chuan	Guru Disiplin (Petang)	S.C., C.T.
En. Liew Wai Lin		S.C., T.T.T.C.
En. Ibrahim Hussain	Guru Panduan	S.C., R.T.C.
Cik Cheah Eok Eng		S.C., C.T.
En. Andrew James		S.C., T.T.T.C.
Pn. Hwang Boon Yong	1 Alfa	S.C., R.T.C.

Pn. Low Kim Seng	3 Teta	S.C., C.T.
En. A.F. Davadass		S.C., C.T.
En. Kwok Yan Chee	1 Aurrum	S.C., R.C.T.
En. Chan Chee Man	1 Ferrum	S.C., R.T.C.
Cik Lourdu Mary Raj	3 Ferrum	S.C., R.T.C.
En. Cheang King Ting		S.C., T.T.T.C.
En. S. Poovandendiraraj		S.C., T,T.T.C.
Pn. Tee Bua Bian		S.C., C.T.
En. Selvaraj	2 Omega	S.C., R.T.C.
En. Douglas Ratnapala	2 Stanum	S.C., F.M.C., R.T.C.
En. Mohd. Noor Hasan	2 Lambda	M.C.E., C.T.
En. Johari Ahmad	Peralihan 3	M.C.E., C.T.
Pn. Rosita Hamzah	2 Ferrum	M.C.E., C.T.
En. Mohd. Shariel Abd. Samat		S.P.V.M., C.T.
Pn. Melor Othman	1 Lambda	S.P.M., C.T.
En. Ahmad Kamal Abd. Kader		S.P.M., C.T.
En. Masuri Hj. Abu Suhut	4 Sastera 4/Guru Disiplin (Pagi)	S.P.M., C.T.
En. Salasun Naim Mohd. Zain	Penyelaras Sukan	S.P.M., C.T.
En. Mohamad Yamin Suki		S.P.M., C.T.
Pn. Kalsom Abdullah		S.P.M., C.T.
Cik Zuraini Ibrahim		S.P.M., C.T.
En. Mashar Hamdan	2 Aurrum	S.P.M., C.T.



TAKWIM SEKOLAH 1985

29 Disember 1984	:	Mesyuarat guru-guru diadakan.
2 Januari 1985	:	Sekolah dibuka bagi tahun 1985. Penggal pertama bermula
10 Januari 1985	:	Mesyuarat rumah-rumah sessi pagi
11 Januari 1985	:	Mesyuarat rumah-rumah sessi petang.
24 Januari 1985	:	Pertandingan bolatampar M.S.S.W.P. Zon Sentul bermula dan diteruskan hingga 5 Februari 1985.
29 Januari 1985	:	Penerangan oleh CL World Computers mengenai komputer.
1 Februari 1985	:	Cuti am sempena Hari Wilayah Persekutuan.
9 Februari 1985	:	Kejohanan Lari Berganti-ganti Lebuhraya antara rumah-rumah.
20 Februari 1985	:	Cuti am sempena Perayaan Tahun Baru Cina sehingga 21 Feb. 1985.
25 Februari 1985	:	Pertandingan bolakeranjang antara rumah sesi pagi hingga 27 Februari 1985.
5 Mac 1985	:	Rawatan mata oleh doktor pelatih dari Universiti Kebangsaan Malaysia.
10 Mac 1985	:	Hari Walkaton Sekolah.
15 Mac 1985	:	Pertandingan Ping Pong antara rumah-rumah sesi petang diteruskan hingga 19 Mac 1985
22 Mac 1985	:	Kejohanan Olahraga Tahunan Sekolah yang ke 39.
27 Mac 1985	:	Pertandingan Sepaktakraw antara rumah-rumah sesi petang hingga 29 Mac 1985.
28 Mac 1985	:	Keputusan SPM dikeluarkan.
1 April 1985	:	Pertandingan tenis antara rumah-rumah sessi pagi hingga 4 April 1985.
6 April 1985	:	Cuti Penggal I bermula.
22 April 1985	:	Penggal II persekolahan bermula.
1 Mei 1985	:	Cuti am Hari Pekerja.
4 Mei 1985	:	Cuti am Hari Wesak.
7 Mei 1985	:	Pengambilan gambar untuk Majalah Sekolah.
13 Mei 1985	:	Pertandingan tenis individu.
18 Mei 1985	:	Sambutan Hari Guru peringkat sekolah.
22 Mei 1985	:	Permulaan Puasa bagi umat Islam. Dengan itu masa persekolahan dipendekkan. Sessi pagi tamat pada 12.45 tengahari dan sessi petang pada 5.45 petang.
29 Mei 1985	:	Minggu Penekanan Ugama' bermula dan diteruskan hingga 31 Mei 1985.
3 Jun 1985	:	Peperiksaan Pertengahan tahun pertama bermula bagi semua tingkatan hingga 10 Jun 1985. Untuk Tingkatan 5, ia diteruskan sehingga 17 Jun 1985.
6 Jun 1985	:	Cuti am sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.
19 Jun 1985	:	Cuti Sempena Hari Raya Puasa sehingga 23 Jun 1985.
29 Jun 1985	:	Jamuan Hari Raya untuk guru-guru sessi pagi dan petang, berasingan.
1 Julai 1985	:	Pemeriksaan kebersihan sekolah oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bahagian Kesihatan.

13 Julai 1985	:	Peperiksaan tunggal Bahasa Inggeris 1119 bagi GCE 'O' Level.
15 Julai 1985	:	Mesyuarat Guru Bimbingan dan Kaunseling Zon Sentul.
10 Julai 1985	:	Pertandingan bolasepak antara rumah-rumah sesi petang sehingga 15 Julai 1985.
17 Julai 1985	:	Pertandingan bolasepak antara rumah-rumah sesi pagi sehingga 19 Julai 1985.
22 Julai 1985	:	Ujian Lisan SPM bermula dan diteruskan sehingga 30 Julai 1985.
27 Julai 1985	:	Cuti penggal II persekolahan bermula.
12 Ogos 1985	:	Penggal III persekolahan bermula.
19 Ogos 1985	:	Minggu Panduan dan Kaunseling' Zon Sentul di Dewan Sekolah.
22 Ogos 1985	:	Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah. Ia dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran.
26 Ogos 1985	:	Cuti am Perayaan Hari Raya Haji.
28 Ogos 1985	:	Peperiksaan Percubaan yang kedua SRP dan SPM bermula.
31 Ogos 1985	:	Cuti am Perayaan Hari Kebangsaan.
11 September 1985	:	Ujian Lisan Bahasa Inggeris SPM bermula hingga 21 September 1985.
7 Oktober 1985	:	Peperiksaan bertulis SRP bermula hingga 15 Oktober 1985. Semua tingkatan akan bercuti melainkan tingkatan 3.
21 Oktober 1985	:	Peperiksaan Amali Sains SPM bermula sehingga 9 November 1985.
28 Oktober 1985	:	Peperiksaan pertengahan tahun kedua untuk tingkatan I, II dan IV sehingga 4 November 1985.
13 November 1985	:	Peperiksaan bertulis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula.
16 November 1985	:	Cuti persekolahan penggal III bermula.



HARI GURU

Langit yang cerah serta sinaran matahari yang terang pada hari Sabtu, 18hb. Mei, 1985, Sekolah Menengah Laki-laki Methodist, Sentul, telah merayakan Hari Guru untuk semua guru-guru yang bersusah-payah mengajar dan mendidik murid-murid dengan tidak tahu penat dan letih.

Semua murid-murid telah berkumpul di gelanggang tenis pada pukul 8.00 pagi. Tuan Guru Besar, Encik Clarence Patrick Wijasuriya, telah memulakan perayaan tersebut dengan membaca perutusan dari Menteri Pelajaran diikuti dengan Encik Robert Selvaratnam. Selepas itu, Tuan Guru Besar pula tampil ke hadapan untuk membaca sepatah dua dari diri sendirinya, begitu juga oleh Pengerusi P.I.B.G., Encik Awaludin bin Abdul Manap, dan Ketua Sekolah, Azman Alias.

Seperti tahun lepas, para pelajar dan guru telah bertanding dalam permainan-permainan sukan seperti bola tampar, tennis dan bola sepak.

Setelah tamatnya permainan-permainan itu, guru-guru pun masuk ke dewan untuk menjamu selera dengan 'buffet' yang disediakan. Maka, tamatnya hari yang bersejarah ini dan hanya kenangan sahaja di hati masing-masing.

Wong Ooi Onn
Ong Jit Yew.

TEACHERS' DAY




Hei! Even my dog could aim properly with it's paw.



Four representatives of the famine relief centre. Just testing the food quality to be sent as relief.



Why he! Dares to steal my food and yet has the guts to talk so much




I think a few of those red ones should do. But of course, if you really want to...



Do you know what the male ghost said to the female? No! He said: You are booootiful



Your wish is my command, master gee.




"Who's gonna talk to her first?"



Nasi goreng campur air tebu, otak berpusing, perutpun tepu.



"Feed the world first"..... o.k. lah....



...and so, Amigo Macho ended the day with a box of Yeoh's

SPEECH DAY

Pada 22hb. Ogos, 1985, sekolah kita bersurai lebih awal iaitu pada pukul 12.00 tengahari untuk meraikan Hari Ucapan Dan Penyampaian Hadiah bagi tahun ini.

Majlis ini telah dimulakan dengan ucapan oleh Guru Besar sekolah ini, Encik Wijasuriya, bahwa beliau sungguh bangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh sekolah sepanjang tahun ini disamping mengekalkan disiplin. Selepas itu, Presiden O.B.A. tampil ke hadapan dan memberi sepatah dua kata tentang sekolah ini.

Kemudian, cenderamata-cenderamata pun dihadiahkan kepada murid-murid yang telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik. Cerderamata-cenderamata itu dihadiahkan oleh bekas guru sekolah ini, Encik Lee Hung Yen.

Tham Chee Chung telah muncul sebagai pelajar terbaik dalam peperiksaan S.P.M. dan dia memenangi Pingat Authur C. Lee.

Selain daripada itu, hadiah-hadiah juga telah diberi kepada pemenang dalam acara badminton tertutup.

Guru-guru yang mempunyai kedatangan seratus peratus juga tidak ketinggalan. Mereka semua juga dihadiahkan cendermata.

Ong Jit Yew
Wong Ooi Onn

ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN S.P.M. 1984

Bil. MATAPELAJARAN	Lulus								Gagal	Tidak hadir	Bil. Lulus	Bil. Ambil Pep.	% Lulus
	1	2	3	4	5	6	7	8	9				
1. B. Malaysia	1	1	2	6	7	16	48	75	95	1	156	252	61.90
2. B. Inggeris	12	14	51	8	11	33	37	28	54	1	194	249	77.91
3. Sejarah	3	2	6	6	8	16	13	18	72	5	72	149	48.32
4. Geografi	–	–	7	6	14	28	29	35	129	3	109	241	45.23
5. Matematik Pil. C	6	18	27	9	6	18	14	19	131	1	117	249	46.99
6. I. Hisab Tambahan	–	4	16	10	6	8	3	7	15	1	54	70	77.14
7. Fizik (Suk. Mal.)	–	7	18	12	8	16	10	2	7	–	173	80	91.25
8. Kimia (Suk. Mal.)	2	11	18	6	8	13	5	4	12	–	67	79	84.81
9. Kajihayat (Suk. Mal.)	2	4	13	8	7	14	11	9	13	–	68	81	83.95
10. Lukisan	2	3	7	2	8	24	17	20	17	1	80	98	81.63
11. Ugama Islam	–	1	6	2	4	7	17	15	22	–	51	73	69.86
12. R. Sains	2	8	8	9	9	13	18	27	63	3	94	166	56.63
13. Perdagangan	3	7	7	3	6	7	21	28	47	5	82	134	61.19
14. Prinsip Akaun	5	–	5	1	1	11	8	14	52	–	45	97	46.39
15. Bahasa Cina	–	–	–	–	–	–	–	–	2	–	0	2	0
16. Bahasa Tamil	–	–	–	–	–	–	–	–	2	2	0	4	0
17. K.H. Man & Kemasy.	–	–	–	–	–	–	–	5	31	–	5	36	13.88
18. Kesusasteraan Cina	–	–	–	–	–	–	–	1	–	–	1	1	100


Pangkat 1	Pangkat 2	Pangkat 3	Bil. Tidak Hadir	Bil. Lulus	Bil. Gagal	Bil. Ambil Pep.	% Lulus
21	56	48	1	125	125	251	50

ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN S.R.P. 1984

Bil. MATAPELAJARAN	Lulus								Gagal	Bil. Lulus	Bil. Ambil Pep.	%Lulus
	1	2	3	4	5	6	7	8	9			
1. B. Malaysia	–	15	45	14	20	44	69	56	97	263	360	73.0
2. B. Inggeris	37	28	29	14	12	34	43	55	108	252	360	70.0
3. Sejarah	5	22	48	15	17	33	50	41	129	231	360	64.2
4. Geografi	2	20	31	15	7	25	47	69	134	226	360	62.8
5. Matematik Moden	23	21	20	12	4	18	60	107	95	265	360	73.6
6. Sains Paduan	19	15	35	20	12	32	46	75	106	254	360	70.6
7. Ugama Islam	–	3	3	2	1	8	6	12	53	35	88	39.8
8. Lukisan	4	3	11	–	10	38	74	73	44	217	257	82.9
9. Seni Perusahaan	1	1	14	3	7	15	25	41	113	117	230	50.5
10. Perdagangan	4	2	3	2	5	4	18	21	65	59	124	47.6
11. B. Cina	1	–	–	3	–	–	3	–	3	7	10	70.0
12. B. Tamil	–	1	–	–	–	–	–	–	2	1	3	33.3
13. B. Punjabi	–	1	–	–	–	1	–	–	–	2	2	100

Pangkat A	Pangkat B	Pangkat C	Pangkat S	Pangkat X	Tidak Hadir	Bil. Ambil Pep.	% Lulus (A & B)
178	30	7	118	27	14	360	57.78%

LEMBAGA PENGAWAS



Duduk (dari kiri ke kanan): Gireetharan (Setiausaha), Chong Yoke Mun (Pen. Bendahari), Azman (Ketua Pengawas) En. Masuri, En. Clarence Patrick Wijasuriya, En. Robert Selvaratnam, Lai Hong Ping (Penolong Ketua), John, Watson.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Ooi See Woo, Don Sarrel, Loo Choo Leong, Siah Hock Leong, Surinder Singh, Kua Theng Hong (Bendahari), Fahrin, Hasbullah Hassim (Penolong Setiausaha), Sundramoorthy.
Berdiri Belakang (dari kiri ke kanan): Leong Kok Chi, Yong Thiam Huat Kok Wan Loong, Lee Chee Wai, Woo Chee Keong.

Lembaga Pengawas 1984-85 mula bertugas pada bulan September tahun lalu. Terdapat 53 orang pengawas termasuk ahli jawatankuasa.

Pada tahun ini kami telah membuat beberapa pertukaran kepada cara bertugas pengawas. Kami mula bertugas pada pukul 7.15 setiap pagi.Tugas kami berjalan dengan lancar setiap hari. Buku-buku rekod telah kami sediakan untuk merekodkan nama-nama murid yang melanggar peraturan-peraturan sekolah dari segi pakaian dan disiplin.

Seperti juga tahun sebelumnya, Lembaga kami juga telah membuat beberapa tugas khas. Beberapa orang pengawas telah ditugaskan untuk mengekalkan disiplin semasa peperiksaan S.R.P. tahun 1984 dijalankan. Kami juga bertugas semasa Pertandingan Bolatampar MSSWP Zon Sentul yang diadakan di sekolah ini. Tidak ketinggalan juga khidmat kami semasa acara Lari Berganti-ganti Leburaya dan Sukan Tahunan pada bulan Mac dan juga Hari Guru.

Tali persahabatan yang erat telah diwujudkan dengan pengawas dari sekolah lain apabila kami telah mengambil bahagian dalam sukan Pengawas Wilayah Persekutuan. Pada 17hb. Jun, Malam Mesra Pengawas telah kami adakan di Dewan Sekolah. Malam itu telah berjalan dengan lancar dan meriah.

Akhir kata dari Lembaga Pengawas, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Besar, Encik C.P. Wijasuriya, En. Robert dan juga Guru Disiplin, En. Masuri di atas tunjuk ajar dan bimbingan mereka.

Sekian. Terima kasih.

Setiausaha,
Gireetharan Nair.

LEMBAGA PENGAWAS (RENDAH)



Duduk (dari kiri ke kanan): M. Yadzrin, Zulkarnain, Premindran, Satvinder Singh, Wong Chun Moon, Teo Eng Soon (Kapten), En. James Amoz (Penyelia Sesi Petang), En. Tan Teong Chuan (Guru Penasihat), Lee Eng Hoe (Penolong Kapten), Chan Chee Hong, Chew Teik Boo (Setiausaha), Au Chun Mun, Anandan, Milton.

Tahun 1985 merupakan satu-satunya tahun yang bersejarah untuk Lembaga Pengawas Sessi Petang. Banyak perubahan telah dapat dilakukan atas bimbangan dan dorongan Penyelia Sessi Petang, Encik James Amoz dan Guru Penasihat Encik Tan Teong Chuan.

Kami memulakan tugas kami pada 7hb. Januari dengan 20 orang pengawas sahaja. Bilangan pengawas kami kian meningat dan sampai ke hari ini, kami sudah mempunyai seramai 44 orang pengawas.

Taraf disiplin dan kebersihan sessi petang tahun ini telah ditinggikan. Murid-murid yang datang lambat sudah dikurangkan. Gaya rambut dan pakaian murid-murid juga diawasi. Sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan sekolah akan diberi hukuman yang sewajarnya.

Kami juga merasa bangga kerana kapten kita, Teo Eng Soon, telah dianugerahkan Sijil Kepimpinan.

Akhirkata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik James Amoz, Encik Tan Teong Chuan, guru-guru dan murid-murid atas kerjasama sekalian.

Kepimpinan Melalui Teladan.

Setiausaha
Chew Teik Boo

LEMBAGA PUSAT SUMBER



Duduk (dari kiri ke kanan): Lee Shen Loke, Gunapalan, Cik Sampoornam R., En. Robert Selvaratnam, En. Clarence Patrick Wijasuriya, Pn. Hoo Wong Ching, Lim Jit Chen, Wong Ooi Onn.
Belakang (dari kiri ke kanan): Ong Jit Yew, Ravi, Manjit Singh, Raj Anand, Loh Teng Peng, Thirumoorthy, Aidil, Lim Cheong Hwee, Yap Eng Onn, Norazmad.

Pusat Sumber adalah pintu kepada ilmu pengetahuan. Ia dapat menanam semangat gemar membaca para pelajar.
Lembaga Pusat Sumber 1984/85 telah mengambilalih pentadbiran sepenuhnya pada bulan Julai, 1984 dengan 17 orang ahli termasuk ahli-ahli jawatankuasa.
Sebagai sebuah lembaga yang aktif dan cekap, kami telah mengaturkan beberapa rancangan untuk dijayakan dan memperkenalkan beberapa perubahan baru dalam pentadbiran. Di antaranya ialah Peraduan Mengarang, Kuiz, Kajian mengenai minat membaca di kalangan pelajar sekolah ini dan juga satu Peraduan Mencari Buku. Baru-baru ini peraduan mengarang bertajuk "Membaca Kunci Kejayaan" telah dilancarkan. Projek-projek yang lain itu dalam perlaksanaan.
Di samping itu, kami juga telah mengambil bahagian dalam berbagai aktiviti luar sekolah. Antaranya ialah mengambil bahagian dalam kuiz yang telah dianjurkan oleh Sekolah Menengah Perempuan Jalan Ipoh dan juga dalam kuiz yang dianjurkan oleh Sekolah Menengah Puteri Titiwangsa. Kami juga telah menghadiri beberapa majlis perpisahan dan sosial sekolah lain.
Akhir kata, Lembaga Pusat Sumber ingin mengambil peluang keemasan ini untuk merakamkan setinggi terima kasih kepada Encik C.P.Wijayasuri, Encik Robert Selvaratnam, Cik Sampoornam dan Puan Hoo W.C. atas segala tunjuk ajar,bimbingan dan nasihat yang mereka curahkan semasa menjalankan tugas kami.

Setiausaha,
Raj Anand

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH



Duduk (dari kiri ke kanan): Zuraimi Osman, Shamsul Ariffin, Pn. Rohaya, Abdul Rahman, Shaheran Affandi.

Satu mesyuarat khas diadakan pada awal bulan Januari untuk memilih ahli-ahli jawatankuasa bagi tahun 1984/85 dimana rancangan-rancangan untuk tahun ini dibincangkan. Sambutan yang diterima adalah menggalakkan. Seramai 60 orang ahli telah mendaftarkan diri.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:-

1. Memberi pertolongan cemas semasa pertandingan lari berganti-ganti lebuhraya sekolah.
2. Memberi pertolongan cemas semasa sukan tahunan sekolah.
3. Menjalankan tugas semasa pertandingan bolasepak daerah Sentul.
4. Menghadiri perayaan Hari Belia di Stadium Negara.
5. Menghadiri perayaan Hari Palang Merah Sedunia yang ke-16.
6. Mengadakan malam Unggun Api di mana semua ahli telah bermalam di sekolah ini dan diadakan beberapa permainan.
7. Menghadiri majlis mengangkat sumpah untuk unit-unit dari semua sekolah di Wilayah Persekutuan.
8. Seramai 6 orang ahli yang diketuai oleh Sjn. Shamsul telah dipilih untuk menyertai pasukan kawalan kehormatan yang dianjurkan oleh P.B.S.M. Wilayah Persekutuan.

Akhir kata, pihak kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Guru Besar, En. C.P. Wijasuriya dan kepada guru penasihat kami, pada tahun ini iaitu Puan Rohaya dan En. Selvaraj serta ahli jawatankuasa yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan rancangan-rancangan bagi persatuan ini.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA, SEKOLAH DAN PERSATUAN

Setiausaha Kehormat,
Kpl. Zuraimi Othman.

PENGAKAP KE-29 KEPONG

Pada tahun ini, kumpulan kami terdiri daripada 70 orang ahli iaitu 2 orang pengakap tingkatan 5(Lencana Jaya), 15 orang pengakap tingkatan 3 & 4 (Lencana Maju) dan 50 orang pengakap tingkatan 1 & 2 (Lencana Usaha). Kami mengadakan perjumpaan pada setiap hari Sabtu dari pukul 2.00 hingga 6.00 petang.

Aktiviti-aktiviti bagi tahun 1984/85 adalah yang berikut.

i) Pada bulan Disember 1984 yang lalu, kami mengadakan kursus perkhemahan di Pulau Pangkor. Di sana kami diberi latihan intensif seperti "Kursus Penyelamatan", memasak tanpa peralatan modern dan lain-lain.

ii) Pada 29hb. Mac - 1hb. April 1985, kami telah mengambil bahagian dalam "Minggu Sukan Kebangsaan" di Taman Titiwangsa dimana kami diberi penghormatan untuk mempamirkan kepakaran kami membina jambatan gantung, menara , meja , makan , kerusi dan dapur.

iii) Pada 28hb. Mei yang lalu, kami telah mengadakan "Malam Unggun Api" yang ke-48 dengan jayanya. Kami bersyukur kepada tuhan kerana tiada aral yang melintang dan lebih 20 buah sekolah dengan sejumlah lebih 200 orang tetamu hadir pada malam itu. Kami berterima kasih kepada Guru Penasihat, En.Chan Yew Pun, En. Bachitar Singh (Penjaga Sekolah), anggota Polis Daerah Sentul dan Sek. Men. (P) Bandaraya di atas segala bantuan mereka.

iv) Pada cuti penggal ke-2 ini kami akan mengadakan perkhemahan di Janda Baik dan Hutan Lipur Lentang. Ini adalah bertujuan untuk menguji ketahanan dan ketabahan ahli-ahli baru.

v) Suatu lagi perkhemahan telah kami rancangkan pada cuti penggal ke-3 yang akan datang iaitu samada di Teluk Chempedak atau di Pulau Tioman.

Akhir kata kami ucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Besar dan semua pihak yang berkenaan diatas bantuan mereka.

BE PREPARED

Azman Alias
Ketua Kumpulan

PERSATUAN BAHASA MALAYSIA



Duduk (dari kiri ke kanan): Zuraimi, Pn. Kalsom, Pn. Rohani, Pn. Mahani, Pn. Rozita, Shaheran Afandi.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Zuraimi, Shamsul, Hussein, Rosli, Muhar, Norismail, Teo Eng Soon, Chin Wai Seng, Yap Tai Way, Yadzrin.

Tujuan utama persatuan ini ialah untuk memberi galakan kepada murid-murid sekolah ini untuk menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti Persatuan Bahasa Malaysia. Dari sini juga kita bukan sahaja boleh mengenengah bakat-bakat baru, malah memahirkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan ahli-ahlinya. Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan ini telah diadakan pada pertengahan tahun 1985, bertempat di Dewan Sekolah. Sambutan dari pelajar sekolah ini sungguh menggalakkan. Persatuan ini telah dianggotai oleh seramai 110 ahli. Tujuan diadakan mesyuarat ini ialah untuk membincangkan aktiviti yang akan dibuat sepanjang tahun 1985. Diantara aktiviti-aktiviti yang akan dibuat sepanjang tahun 1985 ialah:

1) Lawatan ke Bangunan Parlimen dan Memorial Tun Razak.
2) Lawatan ke Dewan Bahasa dan Pustaka.
3) Mengadakan kuiz antara kelas Tingkatan 4.
4) Ahli-ahli persatuan ini juga telah berjaya mencipta logo khas untuk persatuan ini.
5) Berdasarkan logo yang telah dicipta, Persatuan Bahasa Malaysia telah membuat lencana untuk ahlinya. Setiap satu dijual dengan harga 60 sen sahaja.
6) Turut diadakan juga ialah peraduan mengarang cerpen dan sajak.

Akhir kata kami bagi pihak ahli-ahli Persatuan Bahasa Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru penasihat, Puan Rohani, Puan Kalsom dan En. Arumugam yang membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menjayakan segala aktiviti-aktiviti persatuan ini.

Setiausaha Kehormat,
Mohd. Hussein Zainuddin

ENGLISH LANGUAGE SOCIETY



Duduk (dari kiri ke kanan): Mohan, Pn. Khoo Soo Jit, Cik Sampoornam, En. Yam Fook Poh, En. Yap Tai Way.

The main purpose of the English Language Society is to instil an interest in the English Language among the students in the school. We had our first meeting during the first term where we elected board members and drew out the plan for the year's activities. We have our meetings every Wednesdays fortnightly.

During the second term, we selected Gabriel Daniel of 4 Arts 1 as our school's representative to the Kington Loo elocution contest held at the Convent Peel Road. We did not fare very well but it all goes down as experience. An English Quiz was held to gauge the students fluency with English phrases and sayings.

In future, we plan to have an Essay Writing Competition, an English Day and an English Week.

Lastly the members of the English Language Society would like to thank Miss Sampoornam, Mrs. Wong and Mr. Yam for their guidance and active interest in the society.

Secretary
Daljeet Singh

PERSATUAN SAINS & MATEMATIK



Duduk (dari kiri ke kanan): Ong Jit Kiat, Low Boon Chuan, Ooi See Woo, Pn. Lau Chong Kong, Pn. Rahana, Pn. Chew Ai Chin, Yap Eng Onn, Wong Ooi Onn, Harvinder Singh.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Hah Foo Kean, Lee Shen Loke, Woo Woon Chiat, Wong Keam Hong, Surinder Singh, Ong Jit Yew.

Matlamat utama persatuan ini ialah untuk menyedarkan murid-murid betapa pentingnya bidang Sains dan Matematik dalam kehidupan seharian. Persatuan ini juga cuba memupukkan minat di kalangan pelajar terhadap pelajaran sains dan matematik.

Mesyuarat Agung untuk memilih ahli-ahli jawatankuasa telah diadakan pada 8.2.85. Seramai 40 orang ahli telah menyertai persatuan ini. Dalam mesyuarat ini juga dibincangkan rancangan-rancangan tahunan persatuan.

Rancangan tahunan ini termasuklah:

1) Kuiz Antara Ahli => Ahli-ahli Tingkatan 4 dan 5 telah menyertai kuiz ini yang berkaitan dengan matapelajaran sains dan matematik.
2) Tayangan Filem-filem Rencana => dengan kerjasama pihak British Council, kami menayangkan beberapa buah filem rencana di makmal sains sekolah.
3) Peraduan Menulis Karangan => ahli-ahli telah mengambil bahagian dalam menulis karangan yang meliputi pelajaran Fizik, Biologi dan Kimia.
4) Sempena merayakan hari ulang tahun ke 50 sekolah MBS tahun hadapan, persatuan akan mengadakan projek-projek sains yang akan dipamerkan.
5) Majalah "Science Scope" => persatuan sedang berusaha untuk meninggikan mutu majalah untuk kepentingan ahli-ahli pesatuan. Artikel-artikel yang berfaedah akan diterbitkan dalam majalah ini.

Akhir kata, saya sebagai wakil untuk persatuan, ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan Chew, Puan Lau dan Puan Wan Rohana atas bimbingan dan tunjuk ajar untuk menjayakan persatuan ini.

Pengerusi
Ooi See Woo

PERSATUAN SEJARAH



Duduk (dari kiri ke kanan): Pn. Mahani Mohamad, Pn. Charanieet Singh, En. Yam Fook Poh, En. Mansor Mat Isa, Pn. Halimah Ismail, Pn. Rohani Ibrahim.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Mohd. Safir, Kamalulzaman, Zuraimi, Adli Mohd. Shuhailley, Nazida, Mohd. Shukli, Mohd. Saiffudin.

Mesyuarat agung telah diadakan pada 15hb. Januari, 1985, dimana ahli-ahli jawatankuasa baru telah dilantik.

Sekolah kami telah diberi peluang apabila dipilih mengambil bahagian dalam pertandingan kuiz Sejarah antara sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan. Pertandingan ini telah diadakan di Sekolah Menengah Raja Ali. Sekolah kami telah berjaya ke peringkat separuh akhir. Mereka yang mewakili sekolah kami bagi kuiz tersebut ialah:

1) Ong Jit Keat
2) Ng Beng Hing
3) Low Boon Chuan
4) P. Kannan

Persatuan Sejarah (rendah) telah diberi peluang bagi mengadakan beberapa projek yang telah diperbincangkan. Diantaranya ialah melukis logo untuk persatuan, kuiz diantara kelas, peraduan melukis peta, lawatan sambil pelajar dan mencipta sebuah lencana persatuan.

Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh persatuan kami ialah menjalankan satu projek mengenai sejarah sekolah kami. Projek ini bertujuan bagi persiapan Jubli Emas Sekolah Methodist Sentul pada tahun hadapan.

Sebagai penutup kata, saya bagi pihak persatuan ini, ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli yang telah banyak memberikan sokongan kepada persatuan ini. Juga tidak ketinggalan kepada guru-guru penasihat bagi sessi pagi dan petang diatas bimbingan serta galakkan mereka dalam melaksanakan matlamat persatuan ini.

Setiausaha,
Mohammad Shuhajlley Bahadur

PERSATUAN GEOGRAFI



Guru-guru Penasihat: Puan Pui Cheng Wui, Pn. Che Nura Hussain, Pn. Peter Thean, Mr. Douglas.

Mesyuarat Agung Tahunan 1985 persatuan ini telah diadakan pada 16hb. Januari untuk sessi pagi dan pada 18hb. Februari untuk sessi petang. Seramai 60 orang ahli telah mendaftar menjadi ahli bagi sessi pagi dan seramai lebih kurang 25 orang bagi sessi petang.

Diantara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan akan dilaksanakan adalah seperti yang tertera dibawah:-

a) Lawatan ke Bangunan Dayabumi pada 16hb. Mac,1985. Seramai 50 pelajar telah menyertai lawatan itu. Disini pelajar-pelajar didedahkan kepada teknologi pembinaan orang Jepun yang serba moden.

b) Menjalankan projek-projek selaras dengan perayaan Jubli Emas Sekolah tahun depan.
Persatuan kami berusaha untuk menyempurnakan projek ini.

c) Mengadakan kuiz-kuiz pengetahuan Geografi.

d) Peraduan melukis peta.

e) Lawatan ke Loji Penapis Minyak Shell (SHELL HOUSE).

Aktiviti-aktiviti bagi sessi petang termasuk:-

a) Peraduan melukis peta, gambarajah dan model.

b) Mengadakan pertandingan kuiz.

c) Mengadakan lawatan-lawatan ke kilang-kilang, ke Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Disini, saya bagi pihak persatuan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat iaitu Puan Pui , Puan Wong dan Puan Nura bagi sessi pagi serta Puan Peter Thean dan En. Douglas bagi sessi petang yang telah memberi tunjuk ajar dan sokongan moral serta bimbingan yang bernas dan membina kepada kami dalam mentadbirkan persatuan ini. Semoga Persatuan Geografi akan terus maju.

Setiausaha
Chong Yoke Mun

PERSATUAN PERDAGANGAN



Duduk (dari kiri ke kanan): Lee Chee Lim (Pengerusi Sessi Pagi), En. Chan Chee Man, Pn. Yee Kok Siong, Pn. Rozita Hamzah, Teo Eng Soon (Pengerusi Sessi Petang).

Pada 21.2.85, persatuan ini telah mengadakan mesyuarat agung yang pertama. Seramai 72 orang ahli telah menjadi ahli bagi sessi pagi dan seramai 50 orang ahli bagi sessi petang.


Tertubuhnya persatuan ini adalah bertujuan bagi menggalakkan murid-murid bergiat lagi dengan lebih cergas dalam matapelajaran Perdagangan dan Prinsip Akuan serta menambahkan lagi ilmu pengetahuan.

Aktiviti yang dijalankan ialah penjualan suratkhabar 'Utusan Pengguna', menghadiri ceramah yang telah berlangsung di Sek. Men. Maxwell, membuat lawatan ke Hong Kong dan Shangai Bank dan Pelabuhan Kelang, mengadakan kuiz dan juga penjualan 'kad Hari Raya'. Aktiviti dalam perancangan ialah mengadakan kuiz, lawatan ke kilang wang, New Straits Times dan ceramah.

Akhir sekali saya bagi pihak persatuan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak sekolah dan guru penasihat iaitu Pn. Yee Kok Seong, Pn. Rosita dan En. Chan Chee Mun atas dorongan dan tunjuk ajar yang telah diberikan.

Setiausaha
Talhahussaini Aziz

PERSATUAN UGAMA ISLAM



Duduk (dari kiri ke kanan): Abdul Razak, Amizun, Saifuddin, Ibrahim, Azman, Pn. Halimah/B.P., Ustazah Hapsah, Talhahussaini, Zulkiflee, Abu Hasni, Sharulnizam, Idris.

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang"


Tujuan utama persatuan ini ditubuhkan adalah untuk manarik minat pelajar Islam terhadap matapelajaran Agama Islam serta mendatangkan lagi pengetahuan di setiap sanubari pelajar Islam.

Diantara aktiviti yang dijalankan ialah menghantar beberapa peserta ke Khemah kerja di Pantai Baru, Khemah kerja di Sek. Men. Maxwell, Bengkel Redaksi Pelajar-pelajar Islam ke Yayasan Anda Akademik, mengadakan ceramah tahunan, mengadakan wakil ke Ceramah Tahunan di Sek. Men. (P) Air Panas, memgadakan Minggu Dakwah selama tiga hari.

Selain dari aktiviti diatas, beberapa aktiviti telah diperancangkan untuk masa-masa akan datang. Disini saya bagi pihak persatauan ini ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua guru-guru Islam, Ustazah Hapshah selaku guru penasihat atas segala dorongan dan tunjuk ajar yang telah disumbangkan.

Setiausaha
Talhahussaini

PERSATUAN BAHASA TAMIL



Duduk (dari kiri ke kanan): Gunapalan, En. Veelurajan, Amaran, En. Arumugasamy, Ravi.
Berdiri Baris Pertama (dari kiri ke kanan): Manoj Kumar, Ramesh, Ramalingam, Raja Mohan.
Berdiri Baris Kedua : Murasu, Khatirauan, Gopinathan, Kandhasamy, Sittarasu.

Tujuan utama pergerakan persatuan ini adalah untuk mengembangkan fahaman-fahaman dan kebudayaan serta memperbaiki mutu Bahasa Tamil di kalangan pelajar-pelajar India.

Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 2hb. Januari, 1985 serentak dengan perlantikan ahli-ahli eksekutif dari tingkatan Tiga dan Empat serta pengambilan ahli-ahli baru yang berjumlah 69 orang.

Sepanjang tahun ini beberapa aktiviti telah dijalankan seperti yang dirancangkan. Antaranya adalah:

1) Pertandingan kuiz antara kelas-kelas .
2) Pertandingan mencipta logo persatuan.
3) Ceramah yang berunsurkan agama dan kebudayaan Hindu.
4) Pertandingan mengarang esei .
5) Forum perbincangan antara pelajar persatuan ini dengan pelajar Vanto Akademik.
6) Pertunjukan pentas berunsurkan kebudayaan India telah diadakan pada penggal kedua dimana berbagai acara telah dipertunjukkan
7) Antara Projek-projek Kewangan yang dijalankan ialah:
   a) Menjual minuman semasa Hari Walkaton.
   b) Penjualan "Book Marker".
   c) Penjualan lencana persatuan.

Sebelum mengakhiri laporan ini, saya bagi pihak persatuan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru penasihat serta ahli-ahli yang turut menyumbangkan bantuan mereka demi kepentingan pergerakan persatuan ini.

Setiausaha
Ravi

PERSATUAN BAHASA CINA



Duduk (dari kiri ke kanan): Teoh Han Boon, Low Boon Chuan, Mrs. Sim Ping Kwang, Mrs. Hwang Boon Yong, Cheah Kee Seng, Teoh Han Seng.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Lai Siew Shiang, Chua Teong Miew, Low Poh Meng, Goh Tuan Bue, Lim Kean Tiong, Kuan Kah Yew, Teo Eng Soon, Aw Wai Choong, Yap Tai Way.

Mesyuarat agung yang pertama telah diadakan pada 4.1.85 bagi memilih ahli jawatankuasa yang baru. Bilangan ahli yang berdaftar pada tahun ini mempunyai seramai 141 orang. Oleh kerana sambutan yang begitu hebat ini, seramai 13 orang ahli jawatankuasa telah dipilih untuk merancang serta menjalankan aktiviti-aktiviti atau projek-projek pada tahun ini.

Tujuan persatuan ini adalah untuk menanam minat dan memperluaskan pengetahuan pelajar terhadap kesusasteraan bahasa Cina.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:

1) Merekabentuk lencana persatuan ini.
2) Pertandingan mengarang .
3) Perayaan Ulangtahun Pertama Penubuhan Persatuan Bahasa Cina dan pertandingan menyanyi pada 3.5.85.
4) Lawatan sambil belajar ke Cameron Highlands dan MARDI.
5) Perbahasan.
6) Kuiz Kesusasteraan dan Pengetahuan Am Bahasa Cina.
7) Pertandingan Kaligrafi.
8) Han Yu Ping Yin.
9) Pertandingan syarahan.
10) Ringkasan tulisan Bahasa Cina.
11) Mengecat bilik Perpustakaan Bahasa Cina dan menambahkan buku-buku bacaan.

Selain daripada itu, ahli persatuan kami juga mengambil bahagian dalam pertandingan luar sekolah iaitu:

1) Kuiz Kesusasteraan anjuran Gabungan Persatuan Bahasa Cina SM(P) Jalan Ipoh, SM(L) Temerloh, SMP Air Panas, Setapak dan SM(L) Raja Abdullah. Pasukan kami telah berjaya menduduki tempat ke 4 antara 30 buah sekolah.

2) Pertandingan Mengarang seluruh Malaysia anjuran Nanyang Siang Pau dan Kesatuan Guru-Guru Cina.
3) Pertandingan Mengarang sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan anjuran SM Sun Jin, Chong Hua dan Khatolik.

Pada keseluruhannya, sambutan ahli-ahli adalah menggalakkan. Kami bagi pihak ahli jawatankuasa ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Hwang Boon Yong dan Puan Sim Ping Kwang kerana banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami. Demikian juga kepada sesiapa yang memberi sumbangan pada persatuan ini.

Akhir sekali, kami berharap agar bilangan ahli dan penglibatan para ahli dalam aktiviti-aktiviti akan kian bertambah pada masa yang akan datang.

Setiausaha,
Teoh Han Boon

With Best Compliments

of

SYARIKAT PERNIAGAAN SINAR SURIA

19, Jalan SS 4C/5, Taman Rasa Sayang, Petaling Jaya.
Tel: 745811 (Shop) 751613 (Res.)

School Supplies, Educational, Text, Revision, Library, Cookery, And Exercise Books
Teaching Aids, Sport Goods, Trophies, T-Shirts, Stationery Printing Works, Rubber Stamps,
Name Tag, Photocopying, Publishers Representative Etc.

EVERGREEN FLORIST

No. 19, Jalan SS 4C/5, Taman Rasa Sayang, Petaling Jaya.
Tel: 745811 Res. Tel: 751613.


Supplier of:

- **Floral Arrangement to Offices**
- **Flower Bouquets for birthdays, anniversaries and all special occasions.**
- **Cosages, Floral Fruit Baskets and Fresh Cut Flowers for all occasions.**

"Say it with flowers, it is the most beautiful way of expressing your feeling and thoughts to the special people in your life"

KATHY CHAN

PERSATUAN SIKH



Duduk (dari kiri ke kanan): Surinder Singh, Harvinder Singh, Mr. Inder Singh, Harbans Singh, Daljeet Singh.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Gurdev Singh, Charandeep Singh, Kushwant Singh, Keshminder Singh, Manjit Singh, Kuldeep Singh, Baghwan Singh.

Persatuan ini telah mengadakan Mesyuarat Agungnya pada 18hb. Januari, 1985. Di mesyuarat itu ahli-ahli jawatankuasa telah dilantik untuk menyelenggarakan segala aktiviti persatuan dengan jayanya.

Tujuan utama persatuan ini ditubuhkan adalah untuk memupuk perasaan cinta kasih terhadap ugama sendiri dikalangan ahli-ahlinya. Ini telah dilakukan dengan jemputan beberapa orang dari persatuan Sikh Naujawan Sabha se-Malaysia. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Giani Jagjit Singh kerana beliau sudi memberikan hujah-hujahnya tentang dasar-dasar organisasi-organisasi Sikh sekarang ini.


Persatuan ini telah menjalankan berbagai-bagai aktiviti pada tahun ini. Di antaranya ialah:

1. Mengadakan Pertandingan Hoki dengan Persatuan-persatuan Sikh sekolah-sekolah lain.
2. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat soal-jawab Agama dengan Persatuan-persatuan Sikh sekolah-sekolah lain.
3. Mengadakan kelas-kelas bimbingan penulisan Punjabi.

Sebelum mengakhiri laporan ini,saya bagi pihak ahli-ahli jawatankuasa ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang telah banyak memberikan sokongan mereka kepada kelab ini. Juga,tidak ketinggalan kepada guru-guru penasihat kami, En. Ragbir Singh dan En. Inder Singh,atas bimbingan ,tunjuk ajar serta galakan yang telah diberikan oleh mereka kepada ahli-ahli persatuan ini.

Setiausaha,
Surinder Singh

KELAB INTERACT



Duduk (dari kiri ke kanan): Chong Yoke Mun, Woo Chee Keong, Pn. Roslawati, Pn. N.C. Kong, Cik Lourdu Mary Raj, Lee Chee Wai, Yong Yoke Keong.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Ooi See Woo, Kua Theng Hong, Tay Sing Fatt, Woo Woon Chiat, Leong Kok Chi, Surinder Singh, Kok Wan Loong, Ng Seng Mun.

Jawatankuasa 1984/85 telah mengambilalih tugas selepas "Malam Perlantik" pada 5.7.84. Pada keseluruhannya, kelab ini telah berjaya melaksanakan beberapa projek yang sangat berkesan.

Projek-projek yang dijalankan adalah:

1) Menjual pelekat-pelekat untuk tabung pahlawan.
2) Kelab ini bergabung dengan Kelab Interact S.M.(P) Jalan Ampang untuk bersih kawasan SPCA dan kawasan rumah orang-orang cacat di Wisma Harapan.
3) Bergabung dengan Kelab Interact S.M.(P) Air Panas untuk bersihkan kawasan rumah orang-orang tua dan adakan kuiz untuk kanak-kanak Yatim Piatu Pucong.
4) Mengadakan aktiviti di sekolah iaitu membaiki pagar gelanggang tenis dan mengecat sekolah.
5) Menjual pelekat-pelekat pada Hari Bendera untuk kanak-kanak cacat.
6) Mengambil bahagian dalam "Malam Persefahaman Antara-bangsa".
7) Mengutip wang untuk bayari projek kewangan iaitu melawat Mimaland pada 1.9.84.

Untuk mengakhiri laporan ini saya bagi pihak Kelab Interact mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat kami iaitu Puan Kong, Cik Mary Raj, Puan Roslawati serta penasihat dari Kelab Rotary Gombak iaitu En. Jayaram, tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada Pengetua sekolah ini.

Setiausaha,
Yong Yoke Keong

KELAB KERJAYA



Duduk (dari kiri ke kanan): Gabriel Daniel (Vice Presiden), Pn. Roslawati, En. Ibrahim, Pn. Tee, Lai Hon Ping (Presiden).
Baris Tengah (dari kiri ke kanan): Ooi See Woo (Treasurer), Lee Shen Loke, Beh Fah Han, Lim Kean Teong, Chau Choon Seng, Lee Chee Lim. Steven Yeam.
Belakang (dari kiri ke kanan): Vijaya, Kua Theng Hong, Woo Chee Keong, Kok Wan Loong, Gireetharen, Lee Chee Wai.

Mesyuarat yang pertama telah diadakan pada 14hb. Mac 1985, di mana ahli-ahli jawatankuasa dilantik.
Tujuan utama kelab ini ialah memimpin serta mengarah setiap pelajar dalam menentukan kerjaya mereka di masa depan. Ahli-ahli kelab ini pada amnya terdiri daripada murid-murid Tingkatan 4 dan 5. Jumlah ahli yang hadir dalam mesyuarat pertama itu didapati tidak lebih daripada 20 orang.
Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kelab Kerjaya pada tahun ini amat pasif. Kekurangan ahli telah menyebabkan kebantutan dalam segala perancangan kelab. Pelbagai cara telah dipergunakan untuk menambahkan bilangan ahli. Di antaranya yang paling penting ialah 'Membership Drive' yang dicadangkan oleh guru penasihat kami, Puan Roslawati.
Sehingga kini (iaitu semenjak ahli-ahli jawatankuasa 84/85 mengambilalih), kelab ini hanya berjaya menjalankan satu aktiviti sahaja iaitu suatu seminar yang dianjurkan oleh Kelab Rotary Gombak. Segala-galanya berjalan dengan lancar dan kami ahli-ahli kelab in berbangga sekali.
Projek-projek yang sedang di dalam perancangan ialah satu seminar logo tetapi sekarang dengan kerjasama Kelab Interact Sekolah. Seminar ini jika tiada apa-apa halangan akan dilancarkan pada penghujung tahun ini.
Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih kepada guru-guru penasihat yang telah bertungkus-lumus berusaha untuk menjayakan kelab ini.

Pengerusi
Lai Hon Ping

KELAB SENI LUKIS



Duduk (dari kiri ke kanan): Low Wai Seng, Lai Siew Shiang, Mak Wai Kee, Cik Cheah Eok Eng, Say Gine Yee, Aidil, Yeam Kai Chuan.
Belakang (dari kiri ke kanan): Si Kok Meng, Don Darrel, Mohamad Nizam.

Tujuan kelab ini adalah untuk meningkatkan taraf mencapai ahli-ahli di dalam bidang lukisan.

Mesyuarat agung yang pertama telah diadakan dalam bulan Januari, 1985. Ahli-ahli jawatankuasa yang dipilih ialah seperti berikut:

SENIOR:
Pengerusi ialah Say Gine Yine (4 Sc. 1)
Setiausaha ialah Lai Wiew Shiang (4 Sc. 1)

JUNIOR:
Pengerusi ialah Teo Teng Soon (2 Ferum)
Pen. Pengerusi ialah Chan Kok Siang (2 Aurrum)
Setiausaha ialah Nantakumar (2 Aurrum)
Bendahari ialah Low Eng Teong (1 Ferrum)

Ahli-ahli persatuan kami telah membuat 20 plakards yang ditunjukkan dalam projek Walkaton sekolah kita dalam bulan Mac. 2 poster dihantar untuk pertandingan poster mengenai barangan buatan Malaysia-Wilayah Persekutuan. Beberapa mesyuarat telah diadakan tentang tema "Lukisan Dinding iaitu Wal Mural". Walau bagaimanpun, reka bentuk dicipta terpaksa ditolak kerana masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Ahli-ahli akan dipanggil untuk menyiapkan lukisan latar-belakang di pentas juga. 2 projek ini akan dimulakan pada awal tahun depan dan hujung tahun ini. Bagi ahli-ahli kelab Junior pada, aktiviti-aktiviti adalah seperti berikut:

1) Latihan melukis dijalankan pada tiap perjumpaan
2) Penerangan tentang cara melukis dan mewarna oleh guru-guru penasihat
3) Kraftangan untuk pertunjukan lukisan pada tahun depan akan dimulakan juga.

Saya juga berharap kelab ini akan tetap disokong oleh murid-murid sekalian pada masa depan.

Setiausaha,
Lai Siew Shang

KELAB MEMBACA



Duduk (dari kiri ke kanan): Aw Wai Choong, Thang Wai Kong, Fong Siak Mun, David, Sailendra, Cik Grace Chew, Mohan S., Au Kok Hin, Wong Chun Moon, Teo Eng Seng, Thang Wai Tat.

Persatuan ini bertujuan untuk menarik dan menyemai minat membaca buku serta meninggikan pengetahuan am para ahli-ahli persatuan ini khasnya para pelajar sekalian. Didalam mesyuarat pertama untuk tahun ini, kita telah merancang aktiviti untuk sepanjang tahun ini. Antaranya ialah lawatan ke Perpustakaan British Council untuk mempelajar lebih mendalam mengenai cara-cara untuk menyimpan dan mengatur buku.

Bagaimanapun, ahli-ahli jawatankuasa untuk tahun ini telah dilantik pada mesyuarat kedua, 25hb. Januari, 1985. Selain dari itu, dalam mesyuarat yang sama, telah ditetapkan yuran bulanan sebanyak $0.50.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah jualan minuman kotak pada hari Walkaton iaitu pada 10hb. Mac untuk menambahkan pendapatan kelab yang akan digunakan pada projek yang akan datang. Lawatan ke Pulau Pinang telah dijalankan pada 14hb. hingga 17hb. April, yang telah disertai oleh 80 orang. Terima kasih kepada Encik Selvaraj yang telah mempastikan kelicinan lawatan ini. Selain dari itu, Tuan Pengetua telah memberi kebenaran untuk menggunakan tempat kosong diantara bilik kelab ini dan bilik Tingkatan 3 Beta / 2 Stanum.

Sebelum mengakhiri lapuran ini, saya bagi pihak kelab ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat Cik Grace Chew dan juga Tuan Pengetua atas segala nasihat dan tunjuk ajar serta kerjasama yang diberi demi mempastikan kelicinan perjalanan kelab ini.

Setiausaha Kehormatan,
Fong Siak Mun

PERSATUAN TAE KWON DO

Mesyuarat Agung dan perlantikan ahli AJK tahun ini telah diadakan pada Mac, 1985.


Persatuan ini telah ditubuhkan pada Mac, 1984. Kami telah menerima sambutan yang lebih baik daripada tahun lepas.

Baru-baru ini, United Tae Kwan Do Wilayah (WTF) telah menganjurkan satu pertandingan diantara sekolah-sekolah bagi kawasan Wilayah Persekutuan di Sekolah Rendah Kuan Cheng pada 20hb. April, 1985 bagi kali ke 6. Sekolah kami telah menghantarkan satu pasukan yang terdiri daripada Low Teck Her, Ng Kok Keng, Goh Boay Meng, Kee Ngie Key, Tan Kien Beng, Yong Teck Hooi. Sungguhpun pasukan kami telah tewas, tetapi ia membawa sesuatu yang amat berharga kepada kita, iaitu pengalaman.

Kami akan berusaha dengan lebih kuat dan giat lagi untuk menjayakan persatuan kami. Latihan Tae Kwan Do dijalankan pada tiap-tiap Jumaat dan Sabtu pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang di dewan sekolah. Murid-murid yang berminat dialu-alukan.


Setiausaha
Ng Kok Keng

PERSATUAN KAROM



Duduk (dari kiri ke kanan): Saravanan, Ajit Singh, Ahmad Kamal b. Ismail, En. Zainuddin b. Amran Noraidi, Abu Bakar.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Mohd. Zukri, Nazrin, Khairulnizam, Azwan.

PERSATUAN RENANG



Duduk (dari kiri ke kanan): Yeam Kai Chuan, Siah Hock Leong, Mr. Su Too Fong, Selva Segaran, Goh Tuan Bue.
Belakang (dari kiri ke kanan): Ramalingam, Cheong Loy Foo, Lim Hock Eng, Low Poh Meng, Yong Yoke Kheong, Raja.

Pada tahun ini kami mempunyai seramai 150 ahli. Kami telah mengenakan yuran sebanyak $1.00 bagi setiap ahli bagi tempoh setahun. Untuk mengenali matlamat persatuan kami telah mengadakan beberapa aktiviti. Antaranya ialah mengadakan latihan renang di kolam mandi Weld tiap-tiap minggu iaitu samada pada hari Rabu atau Khamis. Kami juga telah berusaha untuk menolong ahli kelab yang baru belajar berenang.

Akhir kata saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami En. Su Too Fong dan En. Andrew James yang telah banyak menolong dan memberi panduan kepada kami. Diharap persatuan ini akan terus maju agar mancapai kejayaan yang lebih besar kelak.

Setiausaha
Gireetharan

KELAB SQUASH



Duduk (dari kiri ke kanan): Beh Fah Han, Chow Choon Siong, Mr. Yam Fook Poh, Ng Seng Mun, Roger.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Kua Theng Hong, Lee Chee Wai, Yap Fook Meng, Low Kok Seng.

Sepanjang tahun ini,kelab Squash telah mengadakan beberapa aktiviti seperti menjual baju, mengadakan pertandingan Squash tertutup peringkat sekolah, pertandingan antara rumah-rumah dan juga mengambil bahagian di dalam pertandingan antara sekolah-sekolah yang dianjurkan oleh Persatuan Squash Wilayah Persekutuan.

Jika dibandingkan dengan tahun-tahun lalu, kelab ini boleh dikatakan semakin meningkat. Ini mungkin kerana sambutan dari para ahli yang begitu berminat terhadap permainan ini.Di samping itu kelab ini juga mempunyai dua orang pemain negara iaitu Eddy Ng Seng Mun dan Roger Loo.

Akhir sekali,saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada guru penasihat En. Yam dan tuan Guru Besar yang telah bersama-sama berusaha untuk mementingkan lagi kejayaan kelab ini.

'MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA'

Pengerusi,
Ng Seng Mun.

KELAB CATUR



Duduk (dari kiri ke kanan): Wong Thin Loong, Ong Jit Kiat, Mrs. Chew Aai Chin, Mrs. Kong Nyuk Ching, Hah Foo Kean, Thang Wai Tat.

Satu perjumpaan telah diadakan oleh Kelab Catur pada 21hb. Januari, 1985. Tujuan perjumpaan ini ialah untuk memilih ahli-ahli jawatankuasa. Di samping itu, kami juga mengadakan perjumpaan tiap-tiap dua minggu sekali untuk melatih ahli-ahli bermain catur.
Matlamat utama kelab ini ialah untuk meninggikan taraf catur dan merangsangkan minat terhadap catur di sekolah kita. Pemilihan pemain catur telah diadakan pada penggal pertama untuk memasuki Pertandingan MSSWP Daerah Sentul. Berikut adalah keputusan Pertandingan MSSWP Daerah Sentul:-

Bawah 20 tahun

MBS	melawan	Sek. Men. Maxwell	menang	3-2
MBS	melawan	Sek. Men. Temerloh	kalah	1-4
MBS	melawan	Sek. Men. Raja Abdullah	menang	3-2

Bawah 15 tahun

MBS	melawan	Sek. Men. Maxwell	kalah	0.5-4.5
MBS	melawan	Sek. Men. La Salle	kalah	1-4

Seorang pemain sekolah kita, Wong Kim Loong, telah muncul sebagai Johan untuk acara perseorangan (bawah 16) dalam peringkat MSSWP. Walaupun keputusan diatas adalah tidak memuaskan,kami berharap sekolah kita akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa yang akan datang.
Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Guru Penasihat kami Puan Chew dan Puan Kong yang telah memberi bimbingan kepada kami sepanjang tahun ini.

Setiausaha,
Hah Foo Kean

KELAB PING-PONG



Duduk (dari kiri ke kanan): Yeam Kai Chuan, Ooi See Woo, En. Yam Fook Poh, Lai Yew Bunn, Yong Thiam Huat.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Gan Eng Chuan, Law Sin Kee, Lau Yin Keng, Wong Soon Yow, Foo Su Yong.

Kelab ping pong pada tahun ini agak aktif juga dengan memulakan latihan pada setiap minggu. Hasilnya beberapa orang murid berjaya diketengahkan untuk mewakili sekolah.
Dalam kejohanan Ping Pong MSS Zon Sentul beberapa ahli kelab ini telah berjaya menunjukkan mutu permainan yang baik dan berjaya mengondol Naib Johan Perseorangan bawah 20 tahun dan Naib Johan bergu bawah umur 15 tahun.
Empat dari ahli kelab ini telah dipilih untuk mewakili Zon Sentul dalam pertandingan MSSWP. Mereka ialah Foo Soo Yong, Gan Cheng Chuan, Ong Tun Choy dan Yong Yew Chong.
Sebelum saya mengundur diri, ucapan ribuan terima kasih perlu diberi kepada En. Yam Fook Poh sebagai guru penasihat bersama En. Zainuddin yang telah memberi kerjasama memajukan kelab ini.

'MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA'

Pengerusi
Lai Yew Bunn

KELAB SENI PERUSAHAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penerbit majalah Sentinel, Sekolah Menengah Laki-Laki Methodist, Sentul memberi kesempatan kepada saya mencoretkan sedikit sebanyak aktiviti kelab kami. Kelab ini telah ditubuhkan kira-kira lapan tahun dahulu. Kelab ini telah mengadakan mensyuarat agungnya untuk melantik ahli jawatan-kuasa baru pada 23hb Januari, 1985.

Kelab ini menpunyai ahli seramai 30 orang dan 3 orang guru penasihat, ahli-ahli ini terdiri dari kelas 2 Beta, 2 Omega, 1 Beta. Perjumpaan dibuat dua kali sebulan iaitu pada hari Rabu jam 12.15 tengahari hingga 1.30. Kelab ini juga mewajibkan kehadiran semua ahli-ahli hadir setiap perjumpaan diadakan .

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Projek membuat "copper tooling"
2. Projek membuat "Treen"
3. Mengadakan pertandingan "Kuiz" antara ahli-ahli
4. Membuat lawatan sambil belajar ke Institut Latihan Perindustrian di Jalan Kucai Lama , sempena Hari Pertandingan Kemahiran.
5. Mengecat dinding Bengkel Seni Perusahaan.

Akhir sekali saya bagi pihak AJK mengharapkan kelab ini akan bertambah aktif lagi dimasa-masa akan datang. Di sini saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada penasihat kami yang banyak memberi tunjuk ajar demi kemajukan kelab kami.

Pengerusi,
Nizam


With Best Compliments

From

HUT TRADING

Room 34-2, (2nd Floor) Ruby Emporium
Jalan Karial, off Jalan Pudu, K.L.
Tel: 414487.

KELAB KOMPUTER



Duduk (dari kiri ke kanan): Tan Eng Joo, Yong Thiam Huat, En. Su Too Fong, En. Rama Rao, En. Robert Selvaratnam, Leong Kok Chi, Chong Yoke Mun.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Baljit Singh, Fong Siak Mun, Wong Soon Yow, Woo Chee Keong, Lee Chee Wai, Wong Ooi Onn, Sailendra, Devarajah.

SEJARAH DAN PENUBUHANNYA

Pada tahun 1984 para atlit sekolah ini telah mengambil bahagian dalam acara Mini Marathon yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan. Seperti biasa sekolah ini telah muncul sebagai johan dalam acara pasukan dan telah bejaya mengondol piala pusingan dan hadiah istimewa iaitu sebuah komputer berprestij jenis "APPLE IIe" dan printer jenis "DOT MATRIX".

Syabas kepada para atlit dan terima kasih kepada En. Velluraian selaku jurulatih pasukan atlit sekolah. Pada awal tahun ini Guru Besar telah bercadang hendak menubuhkan kelab komputer untuk memberi peluang kepada para pelajar-pelajar sekolah ini untuk menimba ilmu pengetahuan melalui dan mengenai komputer. Beliau juga telah memilih En. Rama Rao sebagai ketua penasihat dan En.Su Too Fong sebagai penolongnya untuk menjayakan aktiviti-aktiviti dan segala kegiatan kelab ini. Dengan nasihat daripada Guru Besar, kelab ini telah berusaha untuk menyewa 20 buah komputer supaya dapat menawarkan kursus-kursus komputer dalam berbagai peringkat. Ini adalah atas permintaan dan minat serta sambutan yang baik dari ahli-ahli.

Kini kelab ini dianggotai oleh seramai 222 orang ahli dan 8 orang penasihat, sejak ditubuhkan pada 11hb. Jan. 1985.
Dalam mesyuarat 11hb. Jan. 1985 ahli-ahlinya telah memilih 11 orang ahli jawatankuasa untuk menyelenggara dan membantu melaksanakan segala aktiviti-aktiviti kelab komputer ini.

AKTIVITI-AKTIVITI

Oleh kerana kelab hanya berusia 4 bulan maka sumbangan belum lagi begitu ketara dan boleh dibanggakan . Buat masa kini kelab ini berfungsi sebagai pusat komputer dimana menawarkan kursus-kursus pengenalan komputer untuk ahli-ahli dengan mengenakan bayaran yang berpatutan bagi setiap bulan.
Pusat ini juga menawarkan kursus yang sama kepada guru-guru yang berminat dengan bayaran yang berpatutan.

CITA-CITA

Pusat ini sedang berusaha untuk menawarkan kursus-kursus profesyenal kepada kakitangan dan pelajar-pelajar sekolah pada tahun hadapan dan juga sedang berusaha untuk melengkap-kan bilik komputer dengan bahan bacaan dan rujukan yang cukup untuk perkembangan mental dan rohani pelajar-pelajar sekolah ini.
Kami bercita-cita memiliki kesemua komputer yang sedang kami menyewa iaitu

1 jenis BMC super XT(IBM Compatible)
19 jenis BMC (apple Compatible)

dalam tempoh dua tahun.

PENGHARGAAN


Para ahli kelab ini ingin merakamkan setinggi-setinggi terima kasih kepada tuan Guru Besar atas kesudian beliau bertungkus-lumus untuk mendapatkan kebenaran dari pihak-pihak yang tertentu untuk menyewakan 20 lagi komputer supaya pelajar-pelajar sekolah ini dapat menikmati dan menjelajah ke arah zaman elektronik iaitu bidang komputer.Ini bermakna sekolah ini sudahpun mula mengatur langkah ke ERA KOMPUTER.
Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada En. Ahmad Kamal, En. Mohd. Noor, En. Mohd. Yamin, Pn. Khoo Soo Jit,En. Arumugasamy dan Pn. Yee Kok Seong kerana sudi meluangkan masa secara sukarela untuk membimbing kami semasa kelas komputer, ini sudah tentu akan membantu perkem-bangan kami dalam bidang akademik secara langsung dan sumbangan besar terhadap perkembangan fizikal, mental dan rohani yang merupakan keperluan hayat yang penting untuk membentuk warganegara berguna dan bertanggungjawab seperti mana yang dikehendaki oleh negara kita. Kami juga ingin berterima kasih kepada En. Guna Segaran kerana sudi menolong kami dalam hal penyelenggaraan.
Akhirkata kami sanjung tinggi dedikasi tuan-tuan.

Terima kasih.

********** M.B.S. KE ARAH ZAMAN ELEKTRONIK **********

Penasihat
En. Rama Rao

LAPORAN RUMAH MERAH 1989



Duduk (dari kiri ke kanan): En. Rama Rao, Pn. Roslawati, Pn. Kalsom, Kua Theng Hong, Jegaraj, Pn. Zuraida, Pn. Zainun, En. V. Thevarajah.

Kejayaan yang dicapai pada tahun ini agak memuaskan, walaupun tidak sehebat tahun lalu. Kami masih berupaya menjadi juara dan naib johan dalam beberapa acara sukan dan permainan.

Kami mungkin kurang bernasib baik tahun ini ataupun mungkin juga terdapat kelemahan yang kami sendiri tidak sedari. Turun naiknya kemajuan sesebuah perkara memang biasa dan begitulah dengan kami sungguhpun keputusan yang kami perolehi kurang memuaskan. Namun begitu semangat kesukanan pasukan kami tetap teguh. pemain-pemain kami telah berusaha dengan bersungguh-sungguh serta penuh semangat dan mereka ini patut dipuji dan dicontohi.

Saya mengambil kesempatan di dini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas tunjuk ajar dan nasihat guru-guru. Penasihat kami yang memberi pertolongan pada bila-bila masa.

Saya sebagai wakil Rumah Merah mengucapkan ahli-ahli yang telah memberi sokongan yang tidak kurang pentingnya kepada rumah ini.

Terima kasih.

Setiausaha
KUA THENG HONG.

LAPORAN RUMAH KUNING 1989



Duduk (dari kiri ke kanan): Woo Chee Keong, Pn. N.C. Kong, Pn. Rahana, Pn. Low Kim Seng, Cik Cheah Eok Eng, Cik Lourdu Mary Raj, Low Boon Chuan.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Wong Chong Heng, Tan Kok Leong, Wong Chee Wai, Gopinathan, Ramesh, Shahril.
Berdiri Belakang (dari kiri ke kanan: Kuldeep Singh, Gireetharan, Woo Woon Chiat, Kushwant Singh, Tan Hock Keong, Lee Shen Loke.

Pada tahun ini pencapaian Rumah Kuning agak terhad. Gelaran Johan Temasya Sukan Tahunan yang telah kami sandang selama tiga tahun,terlepas dari tangan kami.

Namun begitu Rumah Kuning telah berjaya memenangi acara lari berganti-ganti lebuh raya dan memandangkan prestasi yang di tunjukkan oleh murid-murid kelas 2 dan 3, harapan kami untuk memenanginya lagi amat baik.

Rumah Kuning juga telah menjadi johan kelas 1 dalam Temasya Sukan Tahunan. Pertandaingan tenis antara rumah juga telah kami menangi. Di harap ahli-ahli rumah yang lain akan dapat mencapai kemenagan dalam pertandingan-pertandingan yang belum dijalankan.

Akhir sekali saya bagi pihak rumah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat kami iaitu Puan Low Kim Seng dan lain-lain guru yang telah berusaha dengan sedaya upaya untuk menaikkan nama Rumah Kuning. Tidak ketinggalan juga murid-murid yang telah bertungkus-lumus untuk membawa kejayaan kepada Rumah Kuning.

Di harap Rumah Kuning akan terus maju dan melebihi pencapaian tahun-tahun sebelumnya.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha
GIREETHARAN NAIR.

LAPORAN RUMAH BIRU 1989



Duduk (dari kiri ke kanan): Nelson, Tan Eng Joo, Mari Seeni Vasan, Puan Lau Chong Kong, Puan Yee Kok Seong, En. Arumugasamy, En. Masuri, Puan Hoo, Puan Rohani, Lim Jit Chen, Roger Loo.

Seperti tahun-tahun yang lalu, Pasukan Rumah Biru sentiasa berusaha keras untuk mempertingkatkan lagi mutu kesukanannya. Semua pihak telah bekerjasama untuk mencapai matlamat ini.


Hasil dari kesungguhan ahli-ahlinya, Rumah Biru berjaya menjadi johan bagi kelas 3 dan untuk keseluruhan Temasya Sukan; Rumah Biru menduduki tempat ketiga.

Walaupun pencapaian Rumah Biru tidak begitu menggalakkan tahun ini, namun peserta-peserta kami tetap menunjukkan corak permainan yang membanggakan. Syabas:

Akhir kata, maju terus maju. Moga Rumah Biru lebih berjaya di tahun hadapan.

Setiausaha
Lim Jit Chen

LAPORAN RUMAH UNGU 1984



Duduk (dari kiri ke kanan): Cik Sampoornam, En. Yam Fook Poh, Surinder Singh, Yeam Kai Chuan En. Andrew James, Pn. Nura, Pn. Pui Cheng Wui.
Belakang (dari kiri ke kanan): Wong Jee Teck, Selvasegaran, Gunapalan, Lee Chee Wai, Wong Ooi Onn, Yap Eng Onn.

Tahun 1985 merupakan tahun yang gemilang untuk Rumah Ungu memandangkan kejayaannya yang cemerlang dalam Temasya Sukan Tahunan 1985, dalam mana rumah kami telah muncul sebagai johan keseluruhan. Selain dari itu, kami juga berjaya menjadi naib johan dalam acara tenis.

Walau bagaimanapun, rumah kami tidak dapat memperolehi kedudukan yang di harapkan dalam kebanyakan lapangan lain yang disertai, walaupun daya dan usaha yang gigih telah di curahkan dalam persediaan untuk acara-acara tersebut. Semangat kesukanan yang kuat terbukti wujud pada ahli-ahli rumah kami atas kejayaan di atas.

Adalah di harapkan yang mutu serta semangat kesukanan yang begitu menggalakan akan dikekalkan pada masa yang akan datang.Saya bagi pihak Rumah Ungu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menyumbangkan tenaga dalam apa jua cara yang telah membawa Rumah kami ke ambang kejayaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada guru penasihatan kami yang berdedikasi, En.Andrew James di atas segala usaha dan dorongan beliau.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha
SURINDER SINGH.

LAPORAN RUMAH HIJAU 1989



Duduk (dari kiri ke kanan): Tan Boon Ming, Ravi, Pn. Halimah, Pn. Rohaya, Pn. Wong Yew Kheng, Pn. Chew Ai Chin, Encik Su Too Fong, Lim Hock Eng.

Prestasi sukan Rumah Hijau pada tahun ini agak membanggakan setelah memperolehi beberapa kejayaan dalam keseluruhan sukan tahunan ini dengan menduduki tempat ketiga di belakang pencabar-pencabar terdekat.

Pada peringkat permulaan sukan sekolah dalam acara Lari Berganti-ganti Lebuhraya, peserta-peserta kita gagal menguasainya seperti tahun-tahun lepas, hanya kemenangan tipis dalam kelas II. Berikut adalah keputusan tersebut:

Kelas I - Tempat kelima
Kelas II - Tempat kedua dan kelima
Kelas III - Tempat keempat

Walaupun gagal dalam peringkat permulaan semangat kesukanan dan kegigihan terhadap sukan tidak mudah luntur pada peserta-peserta kita, dengan meneruskan latihan-latihan intensif untuk menunjukkan kewibawaan mereka dalam sukan tahunan acara olahraga. Dalam peringkat ini beberapa kejuaraan telah diperolehi khususnya dalam kelas I.

Setakat laporan ini ditulis pertandingan antara rumah-rumah(indoor games) belum dimulakan. Diharap peserta-peserta sukan kita tidak akan mengecewakan Rumah Hijau untuk membuat sesuatu tanpa membawa kejayaan.

Akhir kata, saya bagi pihak Rumah Hijau mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat di atas panduan dan tunjuk-ajar mereka untuk kepentingan bersama serta tidak ketinggalan peserta sukan kita yang sedaya-upaya menunjukkan semangat kesukanan tinggi sepanjang sukan tahunan ini.

Sekian Terima Kasih.

KEKALKAN SEMANGAT KESUKANAN

Setiausaha,
B.Ravi.

TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN

Tarikh : 22 Mac 1985 bersamaan hari Jumaat
Tempat : Stadium Merdeka

Acara	Pemenang-Pemenang	Rumah	M/J/T	Rekod
Lompat Jauh Kelas 1	1. Gireetharan	Kuning	5.07m	5.97m
	2. Wong Chee Wai	Kuning		
	3. Low Sen Kee	Hijau		
Lompat Jauh Kelas 2	1. Teoh Hang Poh	Ungu	4.73m	5.49m
	2. Raja	Hijau		
	3. Mohd Mashudi	Biru		
Lompat Jauh Kelas 3	1. Oh Chai Ong	Biru	4.50m	4.67m
	2. Sivakumar	Hijau		
	3. Chandrasegaran	Ungu		
Lompat Tinggi Kelas 1	1. Leong Kok Chi	Merah	1.64m	1.67m
	2. Raja Fahrin	Kuning		
	3. Lee Chee Wai	Ungu		
Lompat Tinggi Kelas 2	1. Mah Choon Kiang	Merah	1.60m (R)	1.56m
	2. Chew Kah Kee	Ungu		
	3. Teoh Han Boon	Kuning		
Lompat Tinggi Kelas 3	1. Chandrasegaran	Ungu	1.50m (MR)	1.50m
	2. Phang Sing Kee	Kuning		
	3. Helmi	Kuning		
Lompat Kijang Kelas 1	1. Ramalingam	Biru	10.58m	12.30m
	2. Yong Thiam Huat	Ungu		
	3. Liew Tau Hoo	Hijau		
Lompat Kijang Kelas 2	1. Teoh Han Boon	Kuning	10.26m	11.15m
	2. Phang Sing Yap	Merah		
	3. Teoh Han Poh	Ungu		
Lontar Peluru Kelas 1	1. Lim Kok Young	Biru	10.66m	11.21m
	2. Tay Sing Fatt	Hijau		
	3. Yong Thiam Huat	Ungu		
Lontar Peluru Kelas 2	1. Simon	Ungu	10.61m (R)	9.75m
	2. Mohd. Mashudi	Biru		
	3. Nasaruddin	Kuning		
Lempar Cakera Kelas 1	1. Yong Thiam Huat	Ungu	27.80m (R)	24.78m
	2. Huzainee Hassan	Hijau		
	3. Wong Chee Wai	Kuning		

Acara	Pemenang-Pemenang	Rumah	M/J/T	Rekod
Lempar Cakera Kelas 2	1. Saffir	Biru	31.17m (R)	29.70m
	2. Mohd. Mashudi	Biru		
	3. Simon	Ungu		
1,500m Terbuka	1. Gopinathan	Kuning	4'49"	4'36"
	2. Rajathilakar	Merah		
	3. Selva Segaran	Ungu		
100m Kelas 3	1. Oh Chai Ong	Biru	12.9"	12.5"
	2. Abdul Hamid	Kuning		
	3. Ong Teck Ngan	Hijau		
100m Kelas 2	1. Teoh Han Poh	Ungu	12.5"	12.0"
	2. Nathan	Biru		
	3. Nor Ismail	Hijau		
100m Kelas 1	1. Gireetharan	Kuning	12.0"	11.3"
	2. Azahan Hanifah	Merah		
	3. Tan Kien Beng	Hijau		
200m Kelas 3	1. Chandrasegaran	Ungu	25.9" (R)	26.0"
	2. Oh Chai Ong	Biru		
	3. Abdul Hamid	Kuning		
200m Kelas 2	1. Teoh Han Poh	Ungu	26.2"	25.1"
	2. Siah Chee Wong	Merah		
	3. Tan Kim Ju	Biru		
200m Kelas 1	1. Gireetharan	Kuning	25.2"	24.0"
	2. Liew Tau Hoo	Hijau		
	3. Azahan Hanifah	Merah		
400m Kelas 3	1. Chandrasegaran	Ungu	63.8" (R)	64.6"
	2. Abdul Hamid	Kuning		
	3. Khairul Nidzam	Merah		
400m Kelas 2	1. Nathan	Biru	58.7" (R)	59.0"
	2. Renny Martin	Merah		
	3. Jayasangkar	Kuning		
400m Kelas 1	1. Rajathilakar	Merah	56.8"	54.8"
	2. B. Ravi	Hijau		
	3. Selva Segaran	Ungu		
Acara Pengawas	1. Chong Yoke Mun & Roslinda			
	2. Leong Kok Chi & Faizah			
	3. Watson & Shahira			

Acara	Pemenang-Pemenang	Rumah	M/J/T	Rekod
4 x 100m Kelas 3	1. Rumah Biru 2. Rumah Kuning 3. Rumah Ungu		58.0"	55.6"
4 x 100m Kelas 2	1. Rumah Ungu 2. Rumah Kuning 3. Rumah Merah		51.6"	50.8"
4 x 100m Kelas 1	1. Rumah Kuning 2. Rumah Merah 3. Rumah Hijau		49.6"	48.6"
Lari Berganti-ganti Ketam Kelas 3	1. Rumah Ungu 2. Rumah Biru 3. Rumah Hijau			
4 x 400m Kelas 3	1. Rumah Biru 2. Rumah Ungu 3. Rumah Hijau		4'39.8" (R)	4'50.0"
4 x 400m Kelas 2	1. Rumah Merah 2. Rumah Ungu 3. Rumah Kuning		4'10.9"	4'9.4"
4 x 400m Kelas 1	1. Rumah Hijau 2. Rumah Biru 3. Rumah Merah		3'58.4"	3'56.0"
Acara Pengakap	1. Patrol Cobra 2. Patrol Panther 3. Patrol Jaguar			
800m O.B.A.	1. Devarajan 2. Jerry 3. George		2'11.8"	1'54.8"
800m Kelas 2	1. S. Nyanasegaran 2. V. Chandrasegar 3. Rajakumar	Hijau	2'26.9"	2'21.9"
800m Kelas 1	1. Gopinathan 2. Rajathilakar 3. Ramesh	Kuning Merah Ungu	2'20.1"	2'14.2"
Acara Bulan Sabit	1. Shamsul 2. Shahiran 3. Mohd. Emily			

Acara	Pemenang-Pemenang	Rumah	M/J/T	Rekod
4 x 100m Sekolah	1. Pasukan Nathan		48.7"	46.8"
	2. Pasukan Vijay			
3,000m Terbuka	1. Gopinathan	Kuning	10'0.7" (R)	10'40.0"
	2. Chandrasegaran	Merah		
	3. Nyanasegaran	Hijau		
	4. Elansegaran	Biru		
	5. G. Murasu	Biru		
Acara Guru	1. En. Rama Rao			
	2. En. Mansur			
	3. En. Mohd. Yamin			

Olahragawan Terbaik Kelas 3	:	Chandrasegaran	Ungu
Olahragawan Terbaik Kelas 2	:	Teoh Han Poh	Ungu
Olahragawan Terbaik Kelas 1	:	Gireetharan	Kuning
Johan Rumah Kelas 3	:	Rumah Biru	
Johan Rumah Kelas 2	:	Rumah Ungu	
Johan Rumah Kelas 1	:	Rumah Kuning	
Johan Keseluruhan	:	Rumah Ungu	
Guru Penasihat Rumah Ungu	:	En. Andrew James	

Kedudukan Rumah-rumah

Kedudukan	Rumah	Terbuka	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Jumlah
Johan	Ungu	23 23	12	39	32	106
Kedua	Kuning	28	35	16	16	95
Ketiga	Biru	10	15	21	34	80
Keempat	Merah	21	25	28	1	75
Kelima	Hijau	16	26	9	10	61

KEPUTUSAN PENUH SUKAN PERMAINAN M.S.S.W.P. 1985

PERINGKAT DAERAH (Zon Sentul)

Bola Tampar:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. La Salle	menang	3 – 0
		M.B.S lawan S.M. Raja Ali	kalah	0 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	kalah	0 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	menang	4 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Jinjang	kalah	0 – 3
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. La Salle	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	menang	3 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	kalah	0 – 3
Keputusan	:	M.B.S. menjadi NAIB JOHAN ZON SENTUL		

Hoki:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	5 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	menang	3 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	menang	10 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	6 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	menang	3 – 1
Keputusan	:	M.B.S. menjadi JOHAN ZON SENTUL		
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	2 – 1
		M.B.S lawan S.M. Maxwell	menang	4 – 1
		M.B.S lawan S.M. Raja Ali	seri	1 – 1
		M.B.S. lawan S.M. La Salle	kalah	1 – 2
Keputusan	:	M.B.S. menjadi NAIB JOHAN ZON SENTUL		

Sepak Takraw:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	kalah	1 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	menang	2 – 1
Keputusan	:	M.B.S. menjadi JOHAN ZON SENTUL		
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	kalah	1 – 2
		M.B.S. lawan S.M. La Salle	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	kalah	1 – 2
Bukan Melayu	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	kalah	0 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	kalah	0 – 1

Ping Pong:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	5 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Jinjang	kalah	2 – 5
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	kalah	5 – 1
Persaorangan	:	Foo Soo Yong menjadi NAIB JOHAN BAWAH 18 TAHUN ZON SENTUL.		
Bergu	:	Ong Tun Choy dan Yong Yew Chong menjadi NAIB JOHAN ZON SENTUL.		

Bolasepak:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S,M, Jinjang	kalah	0 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	menang	4 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	menang	1 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	seri	1 – 1
Keputusan	:	M.B.S. menjadi JOHAN BERSAMA ZON SENTUL		
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	menang	1 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Jinjang	menang	2 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	menang	2 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	3 – 2
		M.B.S. lawan S.M. La Salle	kalah	0 – 1
Keputusan	:	M.B.S. menjadi NAIB JOHAN ZON SENTUL		

Badminton:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jinjang	kalah	2 – 3
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	4 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	kalah	1 – 4
Persaorangan	:	Lee Kong Sun menjadi NAIB JOHAN BAWAH 15 TAHUN ZON SENTUL		

Bolakeranjang:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	kalah
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang
		M.B.S. lawan S M. Jinjang	kalah
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	kalah
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	kalah
		M.B.S. lawan S.M. Jinjang	kalah

Squash:–

	M.B.S. lawanSt. John 1	kalah	1 – 3
	M.B.S. lawan Sek. Tinggi Setapak	kalah	1 – 3
	M.B.S. lawan St. John 3	menang	4 – 0
	M.B.S. lawan Maktab Tentera Diraja	menang	4 – 0
	M.B.S. lawan Sri Pantai	menang	3 – 1

M.B.S. lawan La Salle Petaling Jaya	kalah	2 – 2 (kiraan markah)
M.B.S. lawan M.B.S. Kuala Lumpur	kalah	2 – 2 (kiraan markah)
M.B.S. lawan St. John 2	menang	4 – 0

PERINGKAT M.S.S. WILAYAH PERSEKUTUAN

Bola Tampar:–

Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Alam Shah	kalah	1 – 3
		M.B.S. lawan S.M. San Peng	kalah	1 – 3
		M.B.S. lawan S.M. St. John	menang	5 – 0

Hoki:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Cochrane	menang	1 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Vivikananda	kalah	0 – 2
		M.B.S. lawan Sek. Tinggi Setapak	menang	2 – 1
		Separuh Akhir:		
		M.B.S. lawan S.M. St. Gabriel	kalah	4 – 5
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Alam Shah	kalah	1 – 4
		M.B.S. lawan S.M. St. John	kalah	1 – 6
		M.B.S. lawan S.M. Victoria	kalah	2 – 3

Sepaktakraw:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. St. John	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Ceras	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Sri Pantai	kalah	1 – 2
		Separuh Akhir:		
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	kalah	1 – 2
		Akhir:		
		M.B.S. lawan S.M. Bangsar	menang	2 – 1
Keputusan	:	M.B.S. mendapat tempat KETIGA		

Bolasepak:–

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. St. John	seri	1 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Cochrane	kalah	1 – 2
		M.B.S. lawan Maktab Tentera Diraja	menang	2 – 1
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. St. John	kalah	1 – 6
		M.B.S. lawan S.M. Alam Shah	kalah	1 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Victoria	kalah	1 – 5

Olahraga:–

Februari 1985	:	Merentas Desa anjuran FT/Selangor AAA Bahagian Junior : K. Gopinathan menjadi Johan Persaorangan
Mac 1985	:	Lari Lebuhraya MSSWP Pasukan sekolah mendapat tempat kedua.

Jun 1985 : Kejohanan Olahraga MSSWP

5,000m bawah 20 tahun K. Gopinathan mendapat tempat pertama
M. Rajathilakar mendapat tempat ketiga

1,500m bawah 20 tahun Devarajan mendapat tempat ketiga
K. Gopinathan mendapat tempat ketiga

800m bawah 20 tahun Devarajan mendapat tempat kedua

Lempar Cakera bawah 20 tahun
Yong Thiam Huat mendapat tempat ketiga

Lontar Peluru bawah 16 tahun
Simon mendapat tempat pertama

Lontar Cakera bawah 16 tahun
Simon mendapat tempat ketiga

KEPUTUSAN LARI BERGANTI–GANTI LEBUHRAYA 1985

Kedudukan	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3
1.	Pas. No. 13 Merah	Pas. No. 43 Merah	Pas. No 69 Kuning
2.	Pas. No. 09 Kuning	Pas. No. 35 Hijau	Pas. No. 70 Kuning
3.	Pas. No. 17 Ungu	Pas. No. 39 Kuning	Pas. No. 77 Ungu
4.	Pas. No. 01 Biru	Pas. No. 31 Biru	Pas. No. 67 Hijau
5.	Pas. No. 10 Kuning	Pas. No. 40 Kuning	Pas. No. 75 Merah
6.	Pas. No. 18 Ungu	Pas. No. 49 Ungu	Pas. No. 78 Ungu
Masa	22 min 41.5 s	32 min 20 s	39 min. 42 s

Kedudukan Rumah-Rumah :

Johan	:	Rumah Kuning	33 markah
Kedua	:	Rumah Merah	22 markah
Ketiga	:	Rumah Ungu	13 markah
Keempat	:	Rumah Hijau	10 markah
Kelima	:	Rumah Biru	6 markah


Keputusan Standard Sports 1985

Johan	:	Rumah Ungu	–	534 markah
Kedua	:	Rumah Hijau	–	502 markah
Ketiga	:	Rumah Biru	–	493 markah
Keempat	:	Rumah Merah	–	490 markah
Kelima	:	Rumah Kuning	–	468 markah

Murid-murid yang mendapat markah penuh:–

1. Lai Hon Ping 5 Sains 1
2. Tan Yoke Chu.. 5 Sains 1
3. Tan Boon Ming 5 Sains 1
4. Gireetharan 5 Sains 1
5. Lim Jit Chen 5 Sains 2
6. Tan Kieng Beng 4 Sains 2
7. Teoh Han Boon 3 Beta
8. Yap Chee Tuck 3 Beta
9. Phang Sing Yap 3 Beta
10. Wong Yow Fui 2 Ferrum
11. Poh Leong Khoon 2 Delta
12. Mah Choon Kiang 2 Stannum
13. Lau Chong Lin 1 Ferrum

SPORTS DAY




Erm! Erm! Good morning ladies and gentlemen.....
Aik! Where did everyone go?



"How's China?"

Daylight vampire who didn't have much business on sportsday





Two of a Kind




Hey! I lost my 10¢.....



Imported "Chettiar" from inner Mongolia.....
"Dey! The book says that you owe me money! When are you gonna to pay back dah?"



"Hey Mat! Apa pasal tak pakai Odorono?"



Touring Haadyai



With 10¢ a box, I tell you, we're gonna to be rich! Rich! Rich!....
(Our local drinks vendors)



Give me a Bitlah'
waitlah, waitlah



"Look at those chicks Wow!
"Ya man! I could even see them with one eye".



Trying hard, to be Carl Lewis of MBS Sentul, Ended up the 100 meter's....
.....by 1 hour 4 sec.....

ROAD RELAY




Saturday Morning Fever
"Let's attack Convent Sentul"



Rocky Salasun leading Robert Rambo.




Slower than the slowest snail;
A bit faster than the creepy caterpillar
Perspires worse than a bathing elephant....
it's "Mighty Giree"



Tengok tu! Meniru pula di belakang cikgu.



"Escape to victory"
...but to where?
.....public toilet.



Daylight robbery



Winners of the Under–60's
'Slow Bicycle Race'



The losing team
sweating their heart out!



Mister Kimia?! Sedang
mencari bukti-bukti
yang menunjukkan
dialah manusia yang
dicipta Tuhan




Sighting of
the Rare
Bald Parrot
last sighted
in The
Tower Block



Bila dah habis
baru nak datang




Car Vendors out of business



Now hear ye! hear ye!
The price of roti canai and
tosai' is up by 5¢



Is that the fastest
you can go?
During my time we
used to scale 5000 foot
mountains and yet have enough
energy to do a 1000 metres in
a minute and a half flat.



This guy stripped himself
as a bribe for a ride
back.....and notice!
The fooled Red Crescent
members.

HARI WALKATHON

Sekolah Menengah Lelaki Methodist Sentul telah melancarkan Hari Walkaton pada hari Ahad 10/3/85. Awal-awal lagi guru-guru dan murid-murid sekolah telah memenuhi kawasan sekolah tersebut. Acara itu telah bermula pada kira-kira jam 8.30 pagi dengan ketibaan Tetamu Kerhormat, Encik Awaludin, Pengerusi PIBG.

Acara itu telah dimulakan oleh pengawas-pengawas yang membawa papan-papan tanda. Mereka diikuti oleh guru-guru dan murid-murid sekolah.

Satu perkara yang patut diperbanggakan ialah semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh ibu bapa dan guru-guru dimana mereka juga telah menyertai dalam acara tersebut.

Justeru itu, beberapa persatuan juga telah mengambil kesempatan ini untuk menjual minuman bagi menambahkan kewangan mereka. Persatuan Membaca dan Persatuan Pengakap telah menjual minuman sementara Persatuan Bulan Sabit Merah pula telah memberikan minuman percuma kepada para perserta sementara stoknya masih ada.

Acara iu diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada murid-murid yang telah mengutip derma yang terbanyak serta cabutan bertuah.

Diantara murid-murid yang telah mengutip derma yang terbanyak ialah:

1) G. Gunapalan dari 5 Sains 1 yang telah mengutip derma sebanyak $1505.30
2) Say Gine Yeen dari 4 Sains 1 yang telah mengutip derma sebanyak $1338.75
3) Sailendra dari 3 Beta yang telah mengutip derma sebanyak $742.70

Diantara kelas-kelas yang telah mengutip derma yang terbanyak ialah:

1) Kelas 3 Beta dengan kutipan sebanyak $3247.65
2) Kelas 4 Sains 1 dengan kutipan sebanyak $2800.25
3) Kelas 5 Sains 1 dengan kutipan sebanyak $2651.80

Terdapat juga guru-guru yang telah memenangi hadiah-hadiah yang amat menarik dalam cabutan bertuah. Diantaranya ialah:

1) Encik Thevarajah yang telah memenangi hadiah ketiga iaitu satu Hamper bernilai kira-kira $50.00
2) Encik Robert Selvaratnam yang telah memenangi satu tin Milo yang besar.

Pada kesuluruhannya, hari itu merupakan satu hari yang bersejarah bagi sekolah kami kerana itu adalah kali pertama acara Walkaton diadakan di sekolah M.B.S.

Surinder Singh
Manoj Kumar

WALKATHON DAY




"Hail Clarence!"

"Yam Seng!"..... Touch only, No take home





"He! He! Wait till my wife sees me in shorts"



Looks like he took part in a 100 metre "dragged along" race




M.B.S. riot troops striding out gallantly to conquer all girls' schools in Wilayah



T'was a rout



Doing some lottery business



"Hope dah!"




School M.I.C. party protesting against bad administration. Led by Datuk Seri Dr. S. Velurajan Ghandi



In the midst of enjoyment and fun on the auspicious day, there came along Datuk 'Chettiar' (locally made) collecting his debts.



"Chettiar's" private secretary



A : *"How about a dollar fifty then?"*

B : *"No, it's still cheaper outside"*



This guy didn't want to drop his standard, so he exchanged the toy bicycle for 'dough'.



All for the love of a little girl.

BAGAIMANA UAB MENYOKONG INDUSTRI PEMBINAAN DAN MENJAYAKAN PROJEK USAHASAMA ANTARA BUMIPUTRA DAN BUKAN BUMIPUTRA.



Che Lah Bin Daud dan Encik Sam Fook Choon membuka Syarikat Pembinaan Muda Jaya pada tahun 1974 dengan modal sederhana dan 12 orang pekerja.

Dengan kecekalan dan dedikasi untuk berjaya dalam industri pembinaan, mereka telah menghubungi UAB untuk pembiayaan bagi beberapa projek yang besar. Ini merupakan batu loncatan kearah kejayaan yang lebih cemerlang Hari ini apa yang mereka cita-citakan telah menjadi kenyataan. Harta Syarikat telah meningkat. Bilangan pekerja juga telah bertambah menjadikan 200 orang semuanya.

Syarikat ini sedang merancang untuk mengusahakan sebuah projek berjuta- juta ringgit bersama-sama dengan kontrektor luar negeri.

Ini membuktikan bahawa UAB memainkan peranannya yang dinamik dalam sektor utama untuk membantu masyarakat Bumiputra untuk berjaya bersama-sama dengan lain-lain rakan bukan Bumiputra dalam projek besar-besaran.

UAB,bank yang berkembang pesat di Malaysia... sebab anda boleh berunding dengan kami.



Alor Setar • Banting • Batang Berjuntai • Bukit Pelandok • Butterworth • Guar Chempedak • Ipoh • Jerantut • Johor Baru • Karak • Kepala Batas • Kelang • Kuala Lumpur • Kuala Pilah • Kuantan • Melaka • Pekan • Pulau Pinang • Petaling Jaya • Rembau • Seremban.

United Asian Bank


Anda boleh berunding dengan kami!

LAWATAN SAMBIL

M.B.S.S. SENTUL, 1984

PELABUHAN KELANG (16-7-84)

6 orang guru dan 40 orang ahli



CAMERON HIGHLANDS (3hb. dan 4hb. Nov. '84)

5 orang Guru Dan 60 orang murid.



KUALA SELANGOR (16-7-84)



GENTING HIGHLANDS (23-7-84)

7 orang guru dan 70 orang murid



BELAJAR


1985

PULAU PINANG DAN TAIPING (15–17hb. April, 1985)

6 orang guru dan 65 orang murid.



Di Bukit Bendera, Pulau Pinang.



Di Tokong Ular, Pulau Pinang.



Di Buddhist Temple, Pulau Pinang.



Di Esplanade, Pulau Pinang



Di Lake Gardens, Taiping.

BADAN KEBAJIKAN M.B.S.

Pada 18hb. Mei, 1985, Sekolah Menengah Laki-Laki Methodist, Sentul, telah merayakan Hari Guru bagi guru-guru yang telah berkhidmat dengan penuh semangat dan didikasi.

Sempena dengan hari guru tersebut Sekolah telah membuat derma sumbangan ikhlas dari murid-murid Sekolah ini. Dengan itu pihak Sekolah telah menrima banyak sumbangan dalam bentuk makanan dan juga pakaian. Guru Besar dan guru -guru disini merakam setinggi-tinggi terima kasih diatas sumbangan dari murid-murid kelas peralihan, tingkatan satu dan tingkatan dua.

Dengan itu, pihak Sekolah berbesar hati menyumbangkan sumbangan-sumbangan tersebut kepada beberapa tempat seperti yang disenaraikan dibawah ini:-

1) Selangor Association of Retarded Children, St. Joseph's Church, Sentul, Kuala Lumpur.
2) Selangor Association of Retarded Children, Risen Christ Church, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.
3) Cheshire Home, Selayang, Kuala Lumpur.
4) Home For the Retarded, Bukit Nenas Convent, Kuala Lumpur.
5) Sekolah Menengah Orang-orang Buta, Setapak, Kuala Lumpur.
6) Kanak-kanak miskin, Petaling Jaya.

Guru-guru bersama beberapa orang murid telah pergi ke tempat-tempat tersebut diatas bagi menyampaikan sumbangan-sumbangan itu. Dengan itu kami merakamkan beberapa petikan gambar sewaktu kunjungan kami ke tempat-tempat itu. Semoga peristiwa ini mengeratkan hubungan kami dan menjadi kenangan yang abadi.


Sekian. "BAKTI ANDA DIKENANG SEPANJANG HAYAT"

Disediakan oleh,
Mohd. Yamin Suki.
(Setiausaha Badan Kebajikan MBS)


PERISTIWA YANG MEMBAWA KENANGAN MANIS.....




Terima kasih, budimu di-kenang sepanjang hayat.



Bantulah kami, begitulah agaknya yang terdetik dihati penghuni-penghuni tempat ini.




Begitulah hebatnya persembahan tarian yang melucukan kami.



Ehem....ambillah jangan malu-malu.




Betapa gembiranya kanak-kanak ini setelah menerima sedikit sumbangan makanan dari kami.



Pelajar ini cuba menunjukkan kebolehannya dalam 'breakdance' yang begitu mengkagumkan kami.



Bergambar beramai-ramai di Cheshire Home, Selayang.




Beberapa orang murid telah membantu menolak kereta sorong. Bergambar di Cheshire Home.

SPORTS
SCHOOL TEAMS



Sepak Takraw Bawah 15 Tahun



Bola Tampar Bawah 15 Tahun



Pasukan Ping Pong Sekolah



Badan Sukan Sekolah




Pasukan Bola Sepak Bawah 15 Tahun



Pasukan Sepak Takraw Bawah 18 Tahun



Pasukan Sepak Takraw Pemain-pemain Bukan Melayu



Olahraga (4 x 400m)



Pasukan Hoki Bawah 15 Tahun



Pasukan Hoki Bawah 18 Tahun



Pelari pelari Jarak Jauh Sekolah



Olahraga Jarak Dekat




Pemain-pemain Catur Sekolah



Pasukan Badminton Sekolah



Pasukan Squash Sekolah



Pasukan Bola Tampar Bawah 18 Tahun

AKU ANAK PUNGUT

Aku dibesarkan dalam keluarga yang boleh dikatakan senang juga. Aku disuruh bekerja, diberi makan, pakaian dan pelajaran seperti anak orang lain juga tetapi apa yang aku kerjakan di rumah tidaklah seperti apa yang dilakukan oleh anak orang lain di rumah mereka, tetapi seperti seorang hamba yang menurut segala perintah tuannya.

Kerja yang aku lakukan adalah seperti apa yang dilakukan oleh kebanyakan orang gaji. Pakaian mereka aku cucikan, pinggan mangkuk aku basuh, rumah aku kemaskan dan sekeliling rumah aku bersihkan. Sehingga aku tidak punya masa lapang untuk berehat dan mengulangkaji pelajaran. Walaupun keluarga yang membesarkan aku mempunyai ramai anak perempuan, tetapi tidak seorang pun yang ingin membantu aku memyelesaikan kerja-kerja rumah. Mereka membebankan aku dan menganggap aku seperti orang gaji yang diupah dengan makanan, pakaian dan pelajaran. Kadang-kadang aku terpaksa berjaga hingga awal pagi untuk menyiapkan kerja sekolah.

Kakak-kakak angkat ku selalu mencela aku dan mengatakan aku anak punggut, sehingga menyebabkan fikiran ku terganggu dan aku tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian ku terhadap pelajaran. Kata-kata mereka semakin hari semakin menjadi kenyataan.Sekiranya dilihat dari apa yang aku lakukan setiap hari setelah pulang dari sekolah.

Kini ternyatalah yang aku sebenarnya memang anak yang dipunggut entah dari mana dan siapa ibu bapa ku yang sebenarnya di manakah mereka, aku pun tak tahu. Rasanya ingin saja aku meninggalkan rumah itu untuk mencari kedua orang tua ku yang sebenarnya, tetapi apalah dayaku. Aku terpaksa tinggal bersama keluarga angkatku yang sebenarnya tetapi aku terpaksa bekerja seperti seorang hamba kerana aku tahu aku hanya anak punggut yang menumpang kesenangan orang lain. Aku tidak tahu siapa saudara maraku dan di mana mereka namun akan ku terus juga usaha ku mencari mereka untuk menemui orang tuaku, apabila aku berjaya dalam pelajaran kelak.

JAMIL AHMAD
4 SASTERA 4

CARA-CARA TERLAKU LEKA

Kisah lucu ini berlaku ketika aku di dalam tingkatan Tiga dua tahun lalu. Aku ketika itu termasuk dalam golongan pelajar-pelajar nakal. Aku telah ditempatkan di belakang kelas, di sudut kanan dan di sebelahku, Norzamri.

Suatu hari seperti biasa guru Matematik Moden masuk ke kelas dan dia adalah seorang guru pelatih dari sebuah Universiti. Cara pengajarannya tidaklah semenarik guru yang berpengalaman. Aku dan rakan-rakanku yang lain sukar untuk memahami ajarannya walaupun dia menerangkannya berkali-kali.

Apabila dia masuk ke kelas pada pagi itu, dia bertanya tentang kerja rumah yang diarahkannya semalam. Setiap murid dipanggil ke hadapan kelas untuk menyelesaikan masalah tersebut. Oleh kerana ramai yang tidak faham, maka ramailah yang tidak membuatnya kerana tidak menumpukan perhatian ketika itu. Aku dan Norzamri yang duduk di belakang langsung tidak menumpukan perhatian dan kami asyik menyanyikan lagu "Andainya kupergi dulu" nyanyian Alleycats.

Sedang asyik aku menyanyi, aku terdengar namaku dipanggil oleh guru dan aku mula panik serta takut, kalau-kalau cikgu menyuruh aku menyelesaikan masalah tersebut di papan hitam, lalu aku memberitahu pada cikgu yang aku tidak tahu untuk menyelesaikan masalah itu. Cikgu memandang dengan mulut yang terlopong dan aku sekali lagi memberitahunya yang aku tidak tahu, dengan suara yang lebih kuat lagi.

Tiba-tiba seluruh kelas mentertawakan aku. Aku mula tidak tentu arah dan tertanya-tanya mengapa mereka ketawa padaku. Aku kehairanan lalu bertanya pada Norzamri apa yang terjadi. Dia menggelengkan kepala. Akhirnya cikgupun memberitahu yang ia sebenarnya menyuruh aku memadam papan hitam. Barulah aku tahu mengapa mereka ketawa. Mereka semua geli hati kerana aku tidak tahu memadam papan hitam.

Aku benar-benar malu dan sejak dari hari itu kawan - kawanku selalu mengusikku. Dari kejadian itu, aku tidak lagi menyanyi atau mengelamun di dalam kelas sewaktu guru sedang mengajar.

ROSLI MOHD. ZAIN
5 SASTERA 4

DEMOKRASI BERPARLIMEN

Pada zaman dahulu, orang Yunani telah mengajukan satu idea baru dalam sistem pemerintahan negara mereka, iaitu demokrasi berparlimen. Perkataan demokrasi bermakna pemerintahan orang ramai. Dalam sistem itu, pemerintah dipilih oleh orang ramai dari kalangan mereka sendiri melalui pilihan raya yang diadakan mengikut tempoh yang tertentu. Tetapi, cara demokrasi pada ketika itu adalah berlainan daripada yang diamalkan sekarang. Cuma lelaki dewasa sahaja yang layak menjadi pengundi atau pencalon. Selepas itu, pada kurun ke 13, sistem demokrasi yang moden telah wujud di

England dan ini merupakan asas demokrasi berparlimen. Orang yang layak menjadi pengundi pada ketika itu ialah tuan punya ladang kerana mereka biasa dengan mentadbir atau memerintah orang, iaitu pekerja-pekerja di ladang mereka. Akhirnya, hak mengundi telah diperluaskan kepada lelaki dan perempuan.

Untuk melaksanakan sistem demokrasi berparlimen dengan jayanya, beberapa falsafah di belakang sistem ini perlu diketahui atau dianuti oleh masyarakat. Pertamanya, semua warganegara mempunyai hak yang sama dalam menentukan dasar negara tidak kira martabat, harta atau warna kulit mereka. Oleh itu, undi yang ada pada setiap orang adalah sama timbangnya. Walau bagaimanapun, hakikat ini kadang-kala tidak diterima oleh golongan intelektual kerana mereka menganggap bahawa dengan pengetahuan yang lebih, mereka seharusnya mempunyai lebih hak dalam menentukan dasar negara

Keduanya, falsafah demokrasi menganggap bahawa tidak ada ukuran yang mutlak untuk menilai satu-satu dasar. Oleh itu, pemilihan sesuatu dasar hanya dapat dibuat melalui perbincangan di antara manusia dan mengikut suara yang majoriti. Untuk menjamin supaya perbincangan diberi kebebasan yang seluas-luasnya dan supaya orang ramai dapat memilih satu dasar yang sesuai untuk masyarakat, sistem demokrasi telah memberi orang ramai kebebasan bercakap, berakhbar dan menubuhkan persatuan masing-masing.

Walaupun sistem demokrasi berparlimen telah banyak mengalami perubahan sejak zaman Greek, ia masih mengekalkan ciri-ciri atau sifat-sifatnya yang tersendiri yang menjadi-kannya salah satu bentuk kerajaan yang terbaik. Pertamanya, sistem demokrasi dapat mengawal perjuangan merebut kuasa tanpa menimbulkan kekerasan atau peperangan. Ini boleh dicapai dengan mengadakan sistem pilihan raya untuk memilih semula kecekapan pemerintahan pada masa yang tertentu. Jika sistem pilihan raya tidak diadakan, pertumpahan darah atau peperangan bersenjata mungkin berlaku apabila puak-puak atau pihak-pihak yang bermusuhan cuba merebut teraju pemerintahan negara.

Sebagaimana yang telah kita ketahui, sistem demokrasi berparlimen mengamalkan sistem mengundi mengikut kawasan pilihan raya dan bukannya mengikut bilangan orang sebagaimana yang diamalkan oleh sistem demokrasi berpresiden. Misalnya, satu kawasan bandar yang mempunyai bilangan penduduk seramai 100 000 orang dan satu kawasan luar bandar yang jumlah penduduknya 30 000 orang masing-masing mempunyai wakil rakyat mereka. Sistem demokrasi berparlimen cuba memperseimbangkan kepentingan bandar dan luar bandar. Selain daripada itu, cara ini juga dapat menimbulkan keadaan di mana sesuatu parti dapat menguasai kerajaan, kerana kalau sesuatu parti mendapat undi sebanyak 51% di satu-satu kawasan, wakil parti itu akan menjadi wakil rakyat. Dengan cara itu, walaupun sesuatu parti itu cuma memperolehi 51% undi keseluruhannya, ia masih boleh mendapat 70% wakil dalam parlimen. Walaupun nampaknya, sistem ini tidak begitu adil, namun ia adakah lebih praktis. Dalam politik, apa yang praktis, itulah yang menjamin kejayaan. Sistem ini diamalkan di negara ini dan juga di England.

Dalam bentuk kerajaan yang lain, rakyat tidak diberi kebebasan bercakap yang sepenuhnya untuk meluahkan perasaan atau melahirkan fikiran mereka mengenai sesuatu perkara.

Dengan itu, kerajaan tidak sedar akan masalah sebenar yang dihadapi oleh rakyat. Namun begitu, tidaklah sedemikian dalam negara bercorak demokrasi berparlimen. Di bawah sisitem demokrasi berparlimen, orang ramai berpeluang membentangkan ura-ura mereka atau mengemukakan masalah mereka kepada wakil rakyat mereka. Seterusnya, wakil-wakil rakyat itu akan membawa cadangan-cadangan atau masalah mereka ke parlimen untuk perbincangan atau penelitian selanjutnya. Dengan ini, hak bercakap tidaklah terbendung.

Dalam sistem demokrasi berparlimen, wakil-wakil rakyat dari berbagai-bagai tempat akan bertemu di parlimen untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara. Ketika perbincangan atau perbahasan diadakan, berbagai-bagai usul yang membina akan dibentangkan oleh wakil rakyat. Dengan cara ini, keputusan-keputusan yang sepakat akan tercapai. Ini adalah amat penting kerana jika sesuatu dasar diikuti oleh satu golongan sahaja, keputusan yang diperolehi tidak begitu baik dan jika dasar ini diluluskan dan diamalkan maka berbagai-bagai keburukan akan timbul. Dengan ini, sistem demokrasi berparlimen itu akan terdapat perbezaan pendapat terutamanya kepada golongan pembangkang. Berdasarkan kepada hakikat bahawa manusia memang mempunyai berbagai-bagai pendapat dan tidak boleh ditentukan dengan menggunakan satu dasar sahaja untuk memerintah maka dibenarkan berbagai parti politik untuk memperjuangkan dasar-dasar mereka untuk mempengaruhi rakyat.Mana-mana parti yang mendapat sokongan rakyat yang majoriti akan memegang teraju pemerintahan negara. Dengan ini, kestabilan politik akan terjamin dan apa yang wujud cuma 'perang mulut' dan bukanya 'perang bersenjata'. Dengan cara ini juga, pemerintahan negara akan menjadi lebih berkesan demi kepentingan semua rakyat.

Walaupun pada zahirnya, sistem demokrasi berparlimen amat baik, tetapi terdapat juga kelemahan-kelemahan yang boleh pula mengancam kerajaan dan rakyat sesebuah negara yang mengamalkannya.

Penubuhan parti-parti yang ekstrim boleh menggentingkan suasana pilihan raya kerana masing-masing hendak merebut kuasa pemerintahan. Jika langkah-langkah keselamatan tidak diambil, pergolakan politik yang melibatkan pertumpahan darah mungkin berlaku. 'Perang mulut' yang ada mungkin bertukar menjadi 'perang bersenjata'. Kestabilan politik tidak wujud lagi dan rakyat sama rakyat bermusuhan. Negara yang seharusnya aman sebaliknya menjadi porak peranda.

Kerajaan yang bercorak demokrasi berparlimnen merupakan pemerintahan yang diperintah oleh rakyat untuk rakyat. Oleh itu, terpaksalah ia memberi pertimbangan untuk segala pandangan dan buah fikiran. Tetapi, kadang-kala, amat sukar untuk mengetahui perkara-perkara yang benar-benar dikehendaki oleh rakyat. Ini adalah disebabkan oleh kerumitan untuk menilai pandangan dan buah fikiran mereka itu.

Semasa pilihan raya, parti-parti politik cuba mendapatkan undi yang majoriti untuk memenangi kerusi dalam parlimen. Untuk mendapatkan undi, parti-parti yang bersaingan telah membelanjakan sejumlah wang yang banyak. Wang itu digunakan untuk membiayai kempenkempen pilihan raya bagi mempengaruhi rakyat. Pernah dilaporkan bahawa setengah-

setengah parti politik membeli undi dengan memberikan wang kepada pengundi-pengundi mereka. Ini telah mengkhianati hak pengundi dan amalan ini sememangnya 'kotor' dan boleh menjejaskan ketulenan demokrasi. Dalam hal ini, pemerintahan yang bercorak demokrasi boleh membawa kepada amalan sogokan atau rasuah yang serius.

Wakil rakyat yang terpilih sepatutnya berkhimat untuk rakyat dengan sepunuhnya. Tetapi, malangnya, setengah-setengah wakil rakyat setelah menang dalam pilihan raya, segala yang telah dijanjikan sebelum itu telah dilupakan dan perkhidmatan mereka kurang memuaskan. Mereka telah mengabaikan tanggung jawab mereka dan melibatkan diri dalam projek-projek yang bertujuan untuk memuaskan hati ketua parti atau melakukan sesuatu yng menguntungkan diri mereka sahaja.

Walaupun sistem demokrasi mempunyai kelemahan-kelemahannya, tetapi jika kepentingan keseluruhan diutamakan daripada kepentingan sesuatu pihak, kemantapan dan keselamatan negara masih boleh tercapai. Perlembagaan menjamin kebebasan asasi dan kebebasan berpolitik asalkan kita tidak melanggar undang-undang negara. Tetapi, hak-hak tersebut tidak boleh disalahgunakan. Yang penting sekali, kita tidak boleh memusnahkan demokrasi dengan demokrasi.

LOW BOON CHUAN
4 SAINS 1

UGAMA MEMAINKAN PERANAN DALAM KEHIDUPAN YANG BAHAGIA BAGI MANUSIA

Pada dasarnya, ugama ialah kepercayaan.Kepercayaan bahawa segala-galanya dalam alam semesta ini adalah di bawah takluk satu kuasa yang maha agung, iaitu Tuhan. Tuhan pula dikenali dengan berbagai-bagai cara dan nama. Ini menerangkan adanya berbagai ugama pada hari ini. Diantaranya ialah ugama Islam, Kristian, Budha dan Sikh. Kesemua ugama-ugama ini memimpin manusia ke arah kebaikan.

Cuba kita bayangkan satu masyarakat atau kumpulan manusia di mana ugama diketepikan. Jadi tiap-tiap individu dalam kumpulan itu akan berpendapat bahawa merekalah yang berkuasa dan tidak ada makhluk yang berkuasa ke atas mereka. Mereka membuat apa yang mereka suka dengan tidak menghiraukan peraturan atau peradapan tertentu. Ini akan menyebabkan satu keadaan yang kelam kabut di mana manusia menentang manusia dan membuat sesuka hati mengikut naluri kebinatangan yang ada di dalam setiap manusia. Masyarakat ini selalu

bergolak , sentiasa bergaduh dan bertengkar. Contoh yang baik ialah negeri China di zaman silam di mana raja-raja memerangi satu sama lain menyebabkan rakyat menderita. Satu lagi contoh yang baik ialah negeri Russia di mana pengaruh komunisme sangat kuat. Komunisme mempunyai konsep 'atheist',iaitu tidak percaya kewujudan tuhan. Kesannya jelas terbukti hari ini di mana negara itu kini tidak tenteram. Sebilangan kecil manusia memerintah rakyat jelata dengan cara kuku-besi.

Ugama, jika betul-betul difahami dan diikuti boleh membawa kebahagian ; di dunia dan di akhirat. Ugama mengarahkan kita supaya menolong satu sama lain. Jika kawan kita telah ditimpa kemalangan dan memerlukan wang dengan segera, kita seharusnya menghulurkan tangan kita dengan memberinya wang yang diperlukannya itu. Jadi, dengan ingatan kepada tuhan, kita telah cuba mengurangkan kesulitan yang kawan kita hadapi itu. Kita akan senang hati mengetahui bahawa jika kita ditakdirkan Tuhan mendapat kemalangan sudah tentu ada makhluk Tuhan yang akan menolong atau cuba meringankan kerunsingan kita nanti. Ini bukan bermakna kita mesti menyuruh kawan-kawan kita membalas budi kita sebaliknya percaya bahawa mereka tidak akan melupakan kewajiban mereka sebagai manusia yang berugama. Ini adalah secara menyeluruh.

Cuba kita tinjau setengah dasar-dasar atau pengajaran-pengajaran ugama dengan lebih mendalam. Sebagai contoh, ugama Islam yang merupakan ugama resmi negara kita. Salah satu prinsip yang diutamakan ialah sikap perpaduan dan kerjasama di kalangan umatnya. Dari sikap ini satu keadaan yang stabil akan wujud. Jadi, sebagai contoh, senanglah pemimpin-pemimpin kumpulan atau negara kita melaksanakan rancangan-rancangan bagi memperbaiki keadaan dari segi ekonomi, kesihatan dan lain-lain lagi. Dengan perpaduan ini juga anasir-anasir yang jahat tidak dapat menjalankan kegiatan mereka bagi menyebabkan huru-hara di dalam masyarakat.

Satu lagi sikap yang digalakkan dalam ugama ialah berjimat cermat. Sebagai yang kita tahu, manusia sekarang terlalu mementingkan kebendaan dan berlumba-lumba mencari kenikmatan hidup. Masing-masing ingin mempunyai lebih dari orang lain. Apakah mereka akan bahagia setelah mencapai cita-cita tersebut. Mungkin ada yang berpuas hati tetapi fikiran mereka tidak tenang. Apa tidaknya! Hutang-hutang tidak dapat dijelaskan. Lain pula halnya dengan orang yang mengikuti ajaran ugama. Mereka akan bersyukur dengan apa yang Tuhan telah kurniakan kepada mereka.

Moral memainkan peranan yang penting di dalam satu-satunya ugama. Orang yang mempunyai akhlak dan moral yang tinggi tidak akan terjun ke dalam satu perbuatan yang keji. Seperti orang-orang yang suka pergi ke kelab-kelab malam. Mereka minum yang bukan-bukan hingga hilang akal dan berpoya-poya dengan orang-orang yang telah lama rosak akhlak dan moralnya. Ini akan menimbulkan berbagai-bagai penyakit sosial. Ini menyebabkan meletusnya banyak lagi masalah-masalah lain yang sukar diatasi . Tetapi jika kita mengikuti ajaran-ajaran ugama kita akan menjauhi diri dari perkara-

perkara yang tidak diingini. Hidup kita akan teratur dan tenteram . Kita juga dapat mengerjakan kewajipan kita dengan lebih baik. Dengan itu kebahagian dengan sendirinya kita rasai semata-mata dengan menjaga moral kita seperti yang digalakkan oleh ugama.

Tidak kurang juga orang yang menyatakan bahawa mereka bahagia dengan tidak berpegang teguh pada ugama . Mungkin mereka benar, tetapi kebenaran ini timbul kerana mereka tidak faham apakah kebahagian dalam ertikata yang sebenar-. Menurut mereka, mereka bahagia kerana dapat mengumpulkan harta yang banyak dan bagi mereka wang adalah kuasa. Tetapi adakah itu yang dikatakan kebahagian ? Kebahagian sebenarnya timbul dari hati dan sanubari yang suci, yang bertimbang rasa dan yang menjauhi perasaan benci. Tetapi bukanlah senang untuk mencapai darjat itu. Hanya melalui ugama kita akan dapat melihat dengan lebih terang matlamat itu. Tanpa ugama, kita boleh diibaratkan sebagai murid-murid yang tidak mempunyai guru untuk mengajar sesuatu matapelajaran yang amat penting itu.

HARVINDER SINGH
4 SAINS 1

PERKEMBANGAN DALAM DUNIA PERFILEMAN BOLEH MEROSAKKAN MORAL MUDA-MUDI

Saban hari didapati bahawa banyak filem ditayangkan sama ada di panggung wayang atau pun di televisyen. Ini memperlihatkan betapa maju dan pesatnya perkembangan dalam perusahaan perfileman masa kini. Namun begitu, berikutan dengan perkembangan perfileman itu, timbul pula kegelisahaan dan persoalan di kalangan masyarakat kita, iaitu bolehkah perkembangan itu merosakkan moral muda-mudi? Dalam lain perkataan, apakah ia membawa krisis moral pada generasi muda? Untuk mengetahuinya, haruslah kita membincangkannya dari beberapa segi.

Jika diperhatikan dengan teliti, kita akan dapati bahawa filemyang ditayang di masa kini, terutamanya filem yang diimpot dari luar negeri, banyak memaparkan kejadian keganasan, memperkosa dan kelucahan. Ini termasuklah filem rompakan, pembunuhan, penipuan dan tidak kurang pula babak yang membawa unsur kebudayaan kuning.

Pada zahirnya, filem itu tidak bermaksud lain kerana mereka dihasilkan adalah semata-mata untuk mendapatkan keuntungan dari segi wang sahaja. Walau bagaimanapun, jika dikaji dengan lebih mendalam, ia sebenarnya membawa keburukan. Sebagaimana yang kita telah ketahui, fikiran muda-mudi tidak matang sepenuhnya dan ia amatlah mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur luar. Oleh itu jika mereka didedahkan kepada filem-filem yang bercorak keganasan atau lucah, maka terpengaruhlah moral mereka. Akibat dari itu fikiran mereka menjadi kurang waras dan mereka selalu sahaja tergila-giala hendak melakukan sesuatu mengikut kemahuan mereka sendiri. Secara tidak langsung ini akan menimbulakan berbagai masalah sosial. Buktinya boleh kita lihat sendiri seperti kes jenayah yang semakin berleluasa, pergaulan yang terlalu bebas di kalangan muda-mudi dan lahirnya golongan 'hippies'.

Sebagaimana yang kita maklum, negara-negara Timur termasuklah negara kita terkenal dengan kebudayaan yang 'murni'. Oleh itu, jika keadaan tersebut dibiarkan berterusan, maka kebudayaan kita akan dicemar.Kita boleh mengambil golongan hippies sebagai contoh dan untuk perbincangan selanjutnya. Golongan tersebut memang tidak asing bagi kita semua. Mereka mempraktikkan cara hidup yang agak berlainan daripada kita. Rambut mereka dibiarkan panjang dan dalam keadaan kusut masai, pakaian pula compang camping. Di samping tidak mahu menerima sebarang nasihat, mereka ini juga tidak percaya akan tuhan. Ini adalah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara kita. Oleh itu mereka boleh dikatakan 'umat yang tidak bermaruah'.

Golongan muda-mudi merupakan sokoguru sesebuah negara. Jika moral mereka runtuh, maka dari manakah negara itu beroleh bakal pemimpin? Dari sini tahulah kita betapa penting dan besarnya peranan pemuda-pemudi dalam sesebuah masyarakat dan nampaknya perfileman sedikit sebanyak mempengaruhi golongan tersebut. Tetapi, kita tidak boleh selalu sahaja menuduh bahawa perkembangan perfileman mendatangkan keburukkan kepada masyarakat kerana terdapat juga filem-filem yang boleh memberi kita didikan, ajaran, serta bimbingan. Sebagai contohnya, filem sains fiksyen, filem detektif, filem dokumentri dan filem hiburan.

Menonton filem sains fiksyen boleh menjadikan fikiran kita terbuka kepada kemajuan sains dan bertambahnya ilmu atau idea kita. Walaupun kita sedar bahawa cerita sebenar tidak berlaku pada masa kini, tetapi siapa pula yang boleh menafikan yang ia tidak akan berlaku pada masa hadapan. Sebagai contohnya wayang gambar yang berkenaan dengan 'U.F.O.' dan pendatang asing. Jika menyaksikan filem itu, kita akan berbincang bersama cara-cara untuk mengelakkan bumi ini dari diserang oleh mereka walaupun mereka itu belum dipercayai benar-benar wujud. Dengan ini bolehlah kita membuat sesuatu persiapan terhadap sebarang kemungkinan.

Bagi filem detektif pula, ia membawa pengajaran kepada kita. Umumnya, kebanyakan filem ini mempunyai akhiran yang

sama, iaitu yang jahat selalunya tertewas juga. Ini menerangkan kepada kita bahawa perbuatan yang jahat akan membawa akibat yang buruk dan haruslah kita jauhi diri daripada melakukan jenayah.

Kita dapat memperluaskan lagi pengetahuan kita melalui penontonan filem dokumentri. Rancangan-rancana yang disiarkan menerangkan segenap bidang di dunia ini seperti kemajuan perindustrian di rantau Asia, ciptaan baru dalam bidang pertanian dan sebagainya. Dengan adanya pengetahaun yang luas, barulah kita tidak dianggap sebagai 'katak di bawah tempurung'.

Untuk menghilangkan kesepian, kita boleh menonton filem hiburan. Kepada muda-mudi, adalah lebih baik menonton filem begini jika ada masa lapang daripada bersiar-siar yang mungkin mengakibatkan mereka terjerumus dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

Daripada hujah-hujah yang telah saya berikan di atas, saya berpendapat bahawa adalah tidak adil jika kita semata-mata mengatakan perkembangan perfileman boleh merosakkan moral muda-mudi. Sebenarnya, baik-buruknya moral seseorang itu bergantung kepada didikan atau bimbingan serta asuhan agama yang mereka terima manakala baik-buruk sesuatu filem itu pula bergantung kepada penilaian individu itu.

LOW BOON CHUAN
4 SAINS 1

SEMANGAT KEJIRANAN DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

Negara kita Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Tiap-tiap kaum ini mempunyai latar belakang yang berbeza sama ada dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Terbentuknya masyarakat majmuk secara tidak langsung menimbulkan unsur-unsur sensitif, oleh itu rakyat perlulah bersatu dan sentiasa berbaik-baik sesama jiran agar tidak timbul perkara-perkara yang tidak diingini.

Dalam masyarakat moden sekarang, semangat kejiranan ini semakin pupus. Faktor-faktor penempatan kawasan perumahan telah banyak mengubah corak kependudukan, pemikiran dan sikap terhadap jiran tetangga, lebih-lebih lagi dalam era pembangunan kebendaan, masing-masing sibuk dengan tugas dan urusan harian sehingga tiada masa untuk berinteraksi sesama jiran tetangga.

Mereka yang tinggal di bandar-bandar besar umpamanya lebih bersikap individualistik, meterialistik dan egoistik. Sikap ini seolah-olah memaksa mereka menyisih diri dari orang lain. Tetapi soalnya bolehkah kita hidup buat selama-lamanya tanpa jiran?

Semangat kejiranan merupakan satu sikap, nilai dan rasa tanggungjawab bersama yang perlu pada setiap individu untuk hidup berbaik-baik tanpa unsur-unsur yang tidak sihat di samping itu, ia menyemai rasa tolong-menolong dan saling hormat menghormati untuk melahirkan masyarakat yang harmoni serta melenyapkan sifat keakuan dan perkauman. Ini akan melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu bagi membentuk perpaduan nasional yang kukuh dan mantap.

Selain dari langkah-langkah kerajaan seperti perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Rukun Tetangga dan sebagainya, berbagai-bagai cara lain boleh dilakukan oleh setiap anggota masyarakat untuk mewujudkan semangat kejiranan.

Pertamanya setiap individu atau warganegara hendaklah menyedari bahawa kita adalah merupakan satu masyarakat Malaysia dengan mengikis rasa atau sikap serta sentimen perkauman.

Kita hendaklah sentiasa ziarah menziarahi atau kunjung mengunjungi sesama jiran untuk mengetahui masalah-masalah mereka kalau boleh selesaikanlah bersama. Bak kata pepatah "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing", "Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni".

Di samping itu majlis-majlis perjumpaan seperti kegiatan persatuan, forum, gotong-royong dan sebagainya hendaklah diadakan di mana aktiviti-aktiviti sebegini akan menimbulkan suasana harmoni yang menjadikan kita bersedia menolong sesama jiran semasa kecemasan.

Kepentingan semangat kejiranan haruslah dititikberatkan dan diberi perhatian yang serius kerana ia adalah punca keharmonian yang dicita-citakan oleh setiap negara. Akhir kata sama-samalah kita jaga agar semangat kejiranan akan dapat dihayati oleh rakyat Negara Malaysia bagi mengembalikan warisan yang amat penting seterusnya memungkinkan proses integrasi dan asimilasi menjadi kenyataan.

AZMAN ALIAS
5 SAINS 1

M.B.S. YANG DISAYANGI

M.B.S. yang disayangi
Sudah lima tahunku memijakkan
kakiku di bumi mu
untuk mengejar ILMU
untuk mencapai cita-citaku

M.B.S. yang disayangi
Berkongsi pahit manis bersamamu
menulis, membaca di kamarmu
berlari dalam kegembiraan
di atas rumput yang segar menghijau
yang subur dek mentari

M.B.S. yang disayangi
kini kau bertambah tegap
berdiri dengan megahnya di atas bumi ini
biarlah kenangan ini ku tanam di ingatan
kenangan manis ini tak dapat
ku lupakan
Tetapi.....
pengalaman pahit di sini
ku jadikan pengajaran

M.B.S. yang disayangi
cukuplah coretan yang ku coretkan
di atas buku ini.....
sebagai kenanganku di tempatmu
Tetapi.....
biar kenangan yang pahit
luput di hari semalam.....

Hasil Karya,
MUSTAFFA AHMAD
4 SASTERA 4

TASIK PERDANA

Tasik Perdana,
gelombang dan riak mu
adalah sebuah perbendaharaan
yang menyimpan banyak rahsia
dan tiap sampan yang terapung
adalah kotak-kotak yang didayung
dalam keghairahan rindu

Tasik Perdana,
antara pinggiran rumput
rimbunan dedaun yang berbisik
serta angin yang meniupkan seruling
maka di sini
mutiara embun atau sinar bulan
pecah dan cair
pada hujung kelopak bibir yang dahaga

Tasik Perdana,
di sini tiap pasangan kau temukan
melepaskan rindu
belum tentu
mana antaranya sampai pengkalan
mungkin gugur dan hanyut
menjadi sampah
yang tersadai di pasir mu.....

AZMAN BIN ALIAS
5 SAINS 1

mutiara kata: "Perjalanan ini ibarat kapal yang menentang gelombang samudra.....
Maka gunakanlah fikiran yang bijaksana untuk mengemudikannya....."



AYAH

Ayah.....
dalam usiaku yang masih muda
yang memerlukan kasih sayangmu
kau telah pergi untuk selamanya

Ayah.....
kasihku pada mu tidak luput
kasihku kasih sejati
sepanjang zaman
walaupun dikau tiada
di bumi yang nyata
kehilanganmu tiada ganti
tandinganmu tiada bisa dicari
sesungguhnya engkau ayahku
walaupun hanya batu nisan yang kuhadapi

Ayah.....
titisan air mata berguguran
bagai gugurnya daun dimusim luruh
walaupun telah hampir lima tahunkau pergi
tapi diriku merasa
kau masih terlalu dekat denganku
air dingin kusiramkan
kemboja putih kutaburkan
bersemadilah wajah ayah
dengan penuh ketenangan
dan kalongan doa restu.....

ALIAS MOHD ZAIN
3 LAMBDA



BICARA ANAK ALAM

Wajah seorang anak alam
masih bermain di kaca mata
bicara anak hijrah
terusir dan terpisah
di pesta tanahair
membawa diri
menghidup nyawa
tiada riak manusia
Itulah anak alam
ditimpa petaka
tiada kulit bercerai tulang
ayah dan ibu jua tiada terbelai
sayang.....
Itulah bebayang penderitaan
tompok-tompok kurap di badan
ditimpa kabus hitam di bumi.

MOHD SALIM
5 SAINS 2

PUTERAKU YANG PERGI

Biarkan bisikku
hilang dalam pekat malam
tapi padaku
kau mengerti

Padamu kuletakkan harapan
mewarisi hati putih

Padamu kasihku bermula
gelap mengakhiri mimpiku
rindu wangi tersangkut
di hujung harapan

Mamamu selalu berkata
di sini senyum kita berakhir
tapi papa berkata
Dia lebih berkuasa
dari kita.

MOHD SALIM
5 SAINS 2

TANAH RUMAH

Tanah di atas tanah
Tambah bertambah
Rumah di atas rumah
Bertindih kasih

Tanah di tengah rumah
Ladang berladang
Rumah di atas rumah
Bertingkah sayang

Tanah di atas tanah
Lembah berlembah
Rumah di bawah rumah
Letih letak
Tak ubah orang demam tak kebah
Sedang peluhnya tumpah berkubang
Di tanah bumi bertuah
Situlah serambi rumah puisiku
Tegak dalam senget.....

AZMAN ALIAS
5 SAINS 1

PERJALANAN


Terbiarnya aku di daerah ini
sekadar desakan kota
menanti hari esok
meniti sisa-sisa hidup

Pada nama
sebuah perjuangan
kanku bawa
sebuah resah
sebuah rindu
ke penghujung penitian sepi

Moga ALLAH memberkati
di sepanjang perjalanan ini
yang penuh kepuraan
tanpa peri kemanusian.....

Ilham tersendiri,
MOHAMAD NIZAM
3 LAMBDA

TEKA SILANG KATA



MELINTANG

1. Arah pada kompas.
5. Nama sebuah kementerian.(rgk.)
7. Penganut sesuatu agama.
9. Rasa hina atau malu.
10. Sarjana muda sastera.
11. Pusat Piawaian M'sia.(Ing.)
12. Sejenis sistem.
13. Suatu gantinama.
16. Butir-butir batu.
17. Rumah yang elok (selalunya di luar bandar).
18. Mempunyai bahagian dalam sesuatu perkara.
19. Se jenis penyejuk bagi air.

MENURUN

1. Diperintah, dikuasai.
2. Sejenis pokok yang mengeluarkan minyak kayu putih.
3. Nama pekan di Pahang.
4. Mengitip.
6. Ayat Quran atau Hadis yang digunakan dlm hukum syarak.
8. Tidak dapat dilihat atau dirasa oleh pancaindera tetapi hanya dalam fikiran.
14. Daya upaya atau ikhtiar untuk mencapai sesuatu maksud.
15. Ruang atau petak- petak pada buah-buahan, pangsa, sejenis penjodoh bilangan.
16. Sejenis pokok buah-buahan.
17. Melalui atau menerusi.

NORAZMAN
5 SAINS 2

RICKY BYLON - SUPERSTAR

Sounds of heavy metal music by the rock group 'Quiet Riot' filled the air in the living room. Young Richard Billington was swaying to the heavy drum beat. Clad only in a pair of shorts, he was turning round and round in a way which would have made an onlooker dizzy. His eyes were closed, his face sweaty, and his thinner than Twiggie's body glistened with a mixture of sweat and beer he had been drinking.

The sound of breaking glass was nearly drowned by the din. It brought Richard back to his senses. He glared at the shattered pieces of a vase in front of him. 'Oh Heck!,' he swore under his breath and closed his eyes again. He seemed to slip further and further away from reality as his body began gyrating again. The next thing that happened proved that the nerves on his feet had gone to sleep. Richard was actually dancing on the broken pieces of glass.

The radio stopped playing with a soft thud and Richard opened his eyes. The very next moment he felt the floor moving up towards him.

Regaining conciousness he found himself looking into the concerned eyes of his mother. His feet were splattered with blood. He reached up to touch her face to reassure her. She sobbed and buried her face in the soft shirt covering his bony chest. Richard closed his eyes as tears slipped down his cheeks. He sometimes thought himself weird and was afraid. The memory of an incident at his school science laboratory came unbidden.

His class was doing an experiment on rats when one gave him a sharp nip on his forefinger. He yelled, grabbed the tiny creature and started squeezing it. His gritted teeth showed that his entire strength was centred on the creature. Then he reached out for a blade and started giving small cuts to the struggling creature. You could have heard a pin drop.

The entire class watched with horrified eyes at the massacre in the sudden tense atmosphere. With a scream, he then threw the dead rat across the room. He proceeded to calmly wash his blood stained hands and walked away leaving behind a hysterical teacher and a numbed class.

The black cat crossing his path received a kick as Richard walked with exaggerated gait. He hummed the tune of "A Stairway To Heaven" and thought of his lifelong ambition. He, Richard Billington, son of town mayor Robert Billington, was going to replace Ozzy Osbourne as the world's leading metal rocker. He prided himself on being able to play any heavy metal number on his guitar. If you should pass No 13 Oakley Street in the little town of Craven in the afternoons, you would have heard the latest metal numbers brought live for you by Richard in his piercing voice.

Many thought his strange behaviour would alarm his parents. Well, he actually threatened to break his father's head in two if he so much as stopped him from playing his guitar. His mother who doted on him, refused to see this side of him.

Fletcher the famed record producer sat through the boring graduation day concert hoping that the teenaged son of his friend would appear soon. Richard had used his father's contacts to get Fletcher to watch him.

Fletcher sat back as Richard's name was announced but was nonetheless surprised that no one applauded. He saw a teenager in a neat suit complete with a tie, approach the apron of the stage.

The first loud twang broke the silence. The music became loud and aggressive. His guitar seemed to be competing with his voice. Everyone stared wide-eyed as Richard began to jump around like a lost kangaroo; unbuttoning his suit at the same time. The audience rose to leave. Coming to the end of his song, he stopped jumping, held his guitar by the strap and started swinging it above his head, bringing the guitar down on the hard floor and smashing it.

There was confusion as parents and students began to rush out of the room. Seeing Fletcher trying to leave, Richard hurled his guitar at the departing man. It missed Fletcher by inches but it brought him to a standstill. Richard pounced on him and lifted him by his collar and said"I don't need you. I am gonna be a star. Ricky Bylon the Superstar.' He let go of Fletcher and lifted a chair. Fletcher thought that was the end but luck was with him as the police who had barged their way in, brought Richard under control. Richard was taken away and placed in jail to await trial.

The jury found him mentally ill and he was sent to an institute.

It has been five years now. Richard is still there. There has been some strange goings-on in the Institute. Two murders and a fire are some of them. Ricky? Maybe. Meanwhile he still has a guitar. He has not given up hope of becoming 'Ricky Bylon - Superstar'.

Gireetharen
5 Science 1

BEWARE I GENIUSES AT WORK

Amidst the shady lanes of the city there lies a venerable building which had seen its best years. Now greying and in a state of disrepair, it stands in quiet dignity having survived hundreds of boisterous school boys tramping through its corridors for half a century.

It is here that one class of 34 prized pupils stands out above all. It is the class, 5 Science 1 of the Methodist Boys Secondary School, Sentul. They, the pupils are but the result of four years careless planning and streaming. The class, like the school itself, creates a mystic awareness that all is not right with the best laid plans of man and mouse.

Presenting them in somewhat of an alphabetical order I, who regard them with affection if not awe, beg you as readers to spare a few minutes to be acquainted with them.

Azman Bin Alias - The School Captain. Supposed to be the most disciplined and hardworking student. He is one of life's greatest mysteries.

Chong Yoke Mun - Another mystery who tops the class. A true example that academic excellence can be achieved at the expense of gastronomical feats.

Gireetharan - An Apollo. Suave with a crown of divine curly hair but the thighs of a water buffalo.

Gunapalan - An enigma. A veritable Irrawaddy in our midst.

K.B.Watson - Falsely accused of being a Nosey Parker. He is just an inquisitive monkey.

Kua Theng Hong - A mathematical wizard once found trying to prove Archimedes wrong by walking on water. He got wet.

Lai Hon Ping - A smooth talker. Lofty in his ideals but possessing feet of clay.

Lee Shen Loke - A gentleman who loves sitting on the fence. He forgot that Humpty-Dumpty had a great fall.

Leong Kok Chi - A dignified gentleman who appears well past his prime and enjoys the company of the fairer sex.

Lim Cheong Hwee - He seldom talks but when he does, it is unintelligible to most of us.

Lim Kok Chye - Beneath a quiet exterior is a devilish mind which grapples with constant adversaries, but in reality he, Loh Teng Peng, Ong Jit Yew, Raj Anand and Yap Eng Onn are quite timid.

Manoj Kumar - He posseses an "Eveready" smile. If I were a girl I would run a mile.

Ooi See Woo - An inscrutable, exuberant little chap. The ultimate challenge to a psychiatrist.

Tan Yoke Choon - More evidence of evolution - A Talking Ape.

Tay Sing Fatt - Proof that brains and brawn need not go together. Chicken-business? Don't count your chickens before they are hatched.

Wong Ooi Onn and Wong Soon Yow - 'The Inseperables'. Ever jovial, sniggering and giggling all day long, sometimes even in their "Han" dialect.

Woo Chee Keong - An eccentric as predictable as shifting sands. Kindly in nature, his bark is worse than his bite.

Yuvarajah - Living proof that even 'God' makes mistakes sometimes.

There exists a gang of 'The Fearsome Fifths'. They comprise of the following oddities - Tan Boon Ming, Chin Chee Leong, Lai Yew Bunn, Loo Choo Leong, Law Sin Kee, Tan Kok Leong, Yong Yoke Keong, Woo Chee Teck and Woo Woon Chiat. Making facetious jokes seems to be their rule. Together they stand, Divided they fall.

As for your humble servant - A creature of many virtues who is not given to the use of bombastic language. He is said to be an authority on the Biological Sciences as well as a budding Leornado da Vincci. I plead however to being only a true son of Guru Nanak.

10 years! 20 years hence! I wonder whether any of them - future headmasters, professors, captains of industry, engineers, ambassadors, lawyers, doctors, soldiers of fortune - will ever remember this period of early trials and tribulations that we have shared. I certainly shall!

SURINDER SINGH
5 SCIENCE 1



STUDENTS OF 5 SCIENCE 2

We wonder what kind of future is in store for the students of 5 SCIENCE 2.Let us comment on some of our favourite ones:

RAMESH -Intelligent ,a sportsman and also an eavesdropper.

WONG CHAN LEONG -He has three great principles in life:hear no evil,see no evil,talk no evil. His ambition a monk.

JOHN JESUDASS -A unique specimen of half reptile.He's better known as "STAR DOG".

ERIC WOON -If you trace back his generation route,you will end up in ETHIOPIA.

THIANG AH FATT -Inventor of great games in school.As a result ,the final game was between him and the headmaster.

RAZLAN -The 'BOY GEORGE ' of 5 SCIENCE 2.

AZMAN -Our future 'MICHAEL JACKSON'of MALAYSIA.

SITTERASU -'MISBUN SIDEK' OF THE 1990 MALAYSIAN BADMINTON PLAYER.

DALJEET SINGH -ROMEO of the class.Thinks he is the only handsome looking guy around.He is also the major shareholder of the 'GOLDEN TRIANGLE CORPARATION 'in THAILAND.

MOHD. SALIM - The overgrown baby elephant.If he doesn't look into the mirrow for a day,KUALA LUMPUR will be flooded and M.B.S. Sentul will be washed away.

SIAH HOCK LEONG -Our monitor ,a silent boy.Always doing his best.A future M.C.A. leader.

NEO YOON TEE -May be a wasted product of society.A true example of "EVEN GOD MAKES MISTAKES".

LIM JEET CHEN -Better known as"CACING". A living prove of evolution: The Walking Worm.
KULDEEP SINGH -A specimen from the SARAWAK jungle to the "APPLE CITY" of KUALA LUMPUR .He is known as 'IBAN'.

MOHAN -He is half genius and half barbaric.Awarded for kindness.Often known as'Cheetiar'of 5 Sc.2

LIM KOK YANG -Follower of Jackie Chan and Chuck Norris.Known as'Karate King'.

LIM HONG KEOW -Always trying to prove that Newton was wrong in his theory. Often called 'Chinese Chappati '.

RAVI -Sales agent for pornography magazine .(Usually PLAYBOY and PENTHOUSE).

TAN TECK HOOI -Known as 'THE ICE KING'.

KATHIRAVAN -Thinks he is better than Kevin Keegan but no better than his own sister in football.

Years will pass ,the school will never forget the pupils of 5 science 2.They are potential leaders who promise the world a better future.

As for the two of us .....we are 'ALBERT EINSTIEN' and 'GHANDI'.To the specimens mentioned in the script,here is an advice from us .....'BE GRATEFUL!

DAVID ARUL
GURDEV SINGH
5 SCIENCE 2

WHO'S JOB IS IT ???

This is a story about four people named
EVERYBODY,SOMEBODY , ANYBODY and NOBODY.
There was a job to be done
and Everybody was asked to do it
Everybody was sure that Somebody would do it ,
Anybody could have done it but Nobody did it
Somebody got angry about that,beacuse it was Everybody's job. Everybody thought Anybody could do it but, Nobody realised that Everybody wouldn't do it . It ended up that Everybody blamed Somebody when Nobody did what Anybody could have done .

By: SOMEBODY.

LIFESTYLE OF PREFECTS

This topic just flashed through my mind and made me write about the life-styles and habits of the senior members of the Prefectorial Board.The senior law enforcers of M.B.S. Sentul are from the Form V classes.Heading the list is the school captain:

Azman Alias - The only alien in 5 Sc.I. Warning!Don't go near him when he is angry.He may pull your hair.

Lai Hong Ping - This poor guy goes crazy for no reason at all.You cannot understand his character.

Gireetharan - The inventor of the refrain "AIY--YAI--YOO".He is known as Carl Nair of M.B.S. Sentul following the footsteps of Carl Lewis of U.S.A.

Kua Theng Hong - The best treasurer you can ever find!Doesn't do his job.No wonder the board owes a lot of money.

Chong Yoke Mun - The small guy has the voice of a load speaker.Spends most of his time in the Chinese Society room.

Lee Chee Wai - The Interact Club President with the motto "Money before service".

Woo Chee Keong - The J.J. (Jinjang Joe),also known as "WAH-Wah".

Siah Hock Leong - Class monitor of 5 Sc.2. A quiet guy.His favourite pastime sketching.

John Jesudass - The school electrician who fiddles with the P.A. system every morning.This poor lad has a lot of trouble handling the ancient equipment which is fit to be thrown into the rubbish dump.

Surinder Singh - This is the class scientist with mad theories and the chief editor who likes to put his face into anything that comes along.Runs away when it comes to work and money.

Yong Thian Huat - The Computer Club President who treats computers as brothers and sisters,and uses them as an excuse to leave the class.

Leong Kok Chi - The Old Man of Desa Jaya who stops at the "Mamak's Stall" before reporting for duty.He still claims that his stomach is making music.

Ooi See Woo - This short guy gets on everybody's nerves .Known as the waterboy and the useless manager of "The Ice Breakers".

Don Darrell - The Bengali Putih who claims to be the only survivor of Planet Pluto.Goes around with a Plutonian smile.

Kok Wan Loong - Thinks he is Valentino but in fact he is just a second-hand Charlie Chaplin.

Watson - Comes to school late after waving at the morning train.

These are some of the interestinng characters in the Prefectorial Board.

JOHN JESUDASS
5 Sc.2

SCHOOL LIFE

The period of schooling, for most of us, teems with a variety of experiences whereby some are pleasent and are not. There are moments of triumphs. There are times when students feel discouraged. While at school we may dedest such things as examinations, discipline and homework. Yet,

once we leave school, we cannot help but think of those glorious days. It is true that not all can recall with pride their school days but as for the vast majority, the memories of school life whether good or bad, remains in their hearts till the end of their lives.

The main purpose of schooling is to be educated. School life is not meant to be miserable. We are taught how to adapt to condition around us. We may not like a subject but we are encouraged to study it because it is beneficial.

Punishment is a necessary part of life in school. A student always has to submit to discipline. We have to try to obey rules. School is the training ground for future citizens and leaders of our country. A child's character is formed while at school. He learns how to mix socially and to be responsible.

Friends we make in school last for a life time. We advise and understanding of many of our teacher's are also cherised. Majority of us recall those formative years with much pride and joy.

DON DARELL
5 Arts 2

QUIT SMOKING - BE AN EX-SMOKER

As the danger of smoking is becoming more evident, more people than ever are kicking the habit of smoking. Here is how it can be done.

1. SET A QUITTING DATE.

Trying to ease out the habit by smoking less and less over months doesn't help. Withdrawal from nicotine may be prolonged and painful. Switching to brands low in tar and nicotine doesn't work either.Many switchers compensate by smoking less cigarettes and inhaling more deeply. A modified cold turkey approach seems best. Cut down for a few weeks and then set a date for stopping completely for about 30 days and don't let anything change it. To motivate yourself, list all the reasons for quitting:-

a) You are sick of having a smoker's cough.

b) Smokers may develop more facial wrinkles and sooner than those who abstain.

c) Smoking impairs not only your sense of taste but also your sense of smell.

d) A 'two-pack a day' habit can cost over $600 a year. That can amount to a week's vacation to a beach resort.

e) Smoking can be a cause of Ephysema, heart disease or even Cancer.

2. PREPARE TO QUIT.

Keep a tally of the number of cigarettes you smoke in the morning, afternoon and evening. Add up the daily total. As you cut down, you will draw satisfaction from seeing the number drop. Try some of these tips in your effort to cut down:-

a) Postpone lighting your first cigarette by 15 minutes on the first day and from thereon 15 minutes more delay each day thereafter.

b) Do not light up as soon as you crave for a cigarette. Find distractions. Start a conversation, drink a glass of water, close your eyes and imagine yourself in a favourite spot.

c) Set aside 'non-smoking' hours and gradually extend them.

d) After a meal, quickly leave the table and take a walk or brush your teeth.

e) Try smoking with the hand you do not normally use.

f) Buy only by the pack; finish one pack before buying another.

g) Smoke only half of each cigarette.

h) Avoid emptying ashtrays. Stale butts are a turn-off. Keep your butts in a glass jar for a week.

i) Make it harder to get at your cigarettes. Wrap them up in paper or lock them in a drawer.

j) Make a bet with someone that you can stop smoking on your target date.

k) Chart your progress. Seeing is believing. Your daily records will encourage you as you count down towards cold-turkey day.

3. NOW QUIT.

The trick is to focus on what you are doing rather than what you are not, and try to build pleasure into the day. Reward yourself for not smoking. Do something to celebrate.

a) If the thought of never smoking again bothers you, just think of not doing so one day at a time.

b) Keep busy. Take long walks. Go biking.

c) If you have trouble keeping your hands busy, fiddle with a paper clip, worry beads or a pencil. If you miss having something in your mouth, keep toothpicks sugarless gum or mints handy.

d) Keep a calendar for the first 90 clean days. Cross off each day and record the money saved by not smoking.

e) If you weaken, take a few deep breaths, light a match and then slowly blow it out. Crush it in an ashtray as you would a cigarette.

f) Beware of the notion that just one smoke will not hurt. That is probably the way most people start the habit again. If you yield to temptation and have one, do not despair. Stop again immediately.

Usually within 12 hours after your last cigarette, your body will begin to heal itself. Carbon monoxide and nicotine levels will drop rapidly and your heart and lungs will start repairing the damage caused by tobacco smoke.

At first you may still feel worse than you expected. Many people temporarily experience bowel movements and sore gums. You may be short tempered but these are only "withdrawal symptoms" that will not last.

You will soon begin to notice positive changes. Your sense of smell and taste will be sharpened and your smoker's cough will lessen. Your digestive system will start to function normally again. You will feel clear headed and energetic. You will breathe easier. You will be free from the smell, inconvenience, expense and the dependence on smoking. Most importantly you will be more in control of your life. Smoking is a self-destructive device!

Harvinder Singh
4 Science 1

IT IS NOT ALWAYS EASY

- to apologise
- to start all over again
- to admit a mistake
- to ask for advise
- to be unselfish
- to keep trying
- to think first and act afterwards
- to learn from a mistake
- to accept criticism,deserved or undeserved
- to put yourself in other man's shoes
- to forgive and forget

.....BUT IT ALWAYS PAYS

HARVINDER SINGH
4 Sc. 1

RETURNING TO MY HOMETOWN

After six years of exile, I decided to return to my hometown. I have never forgetten my happy days there. Nothing seems to change; no matter how many years have passed, I found everything the same as before. Only the place has grown older.

The railway station and post office are by far the oldest buildings. They were built about a century ago. Tall and swaying coconut trees surround the area. Every evening , the villagers would sit under the palms near the rail tracks and enjoy long chats. They love to see the trains come and go.

A little away was my school. It was a co - educational gorverment school and the only intown. I had some unpleasant experiencs in this school : squabbles , fighting and being punished. Grass and weeds were allowed to grow high in the field. It had been this way ever since the old gradener retired from his job twenty years ago. One blackboard in a classroom was broken and was not replaced. I wonder how a teacher could teach without a blackboard.

